



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA  
*SENATE*

PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1033]

**USUL:**

**Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 (Hari Keempat) [Ruangan 1057]**

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik)
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi, dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Petua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ GENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Paun Ng Chong Kim.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Jumaat, 13hb Ogos, 1976

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan  
Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-PER-  
TANYAAN

AJARAN DAKWAH

**1. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa pada masa ini ada dua bahagian ajaran Dakwah dalam Negara ini; yang pertama ajarannya biasa sahaja dalam mana setiap wanita dikehendaki memakai tudung kepala dan yang keduanya yang terlalu memberatkan fahaman yang sunat dengan ajaran-ajaran seperti jangan mendengar radio, melihat talivisyen, duduk di kerusi, makan berhidang di atas meja dan lain-lain yang mengelirukan terutama sekali bagi mereka yang tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam agama Islam dan yang mana menyebabkan penuntut-penuntut kita di luar negeri enggan langsung untuk mempelajari agama kerana apa sahaja yang dibuat nampaknya haram di sisi agama. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap pendakwah-pendakwah tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Haji Othman bin Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak timbul soal beberapa bahagian kumpulan-kumpulan pendakwah yang terdapat di negara kita sekarang kerana selagi dakwah yang dijalankan itu adalah untuk mengingatkan umat Islam kepada ajaran Islam yang sebenar samada dengan mengajak mereka kepada melaksanakan perkara-perkara yang wajib dan sunat atau melarang mereka daripada melakukan yang haram atau makruh, maka kesemuanya bolehlah dianggap sebagai satu tugas yang murni yang dikehendaki oleh agama Islam.

Soal kekeliruan yang telah timbul dalam memahami ajaran Islam seperti yang berlaku di setengah-setengah kalangan masyarakat Islam hari ini adalah membuktikan betapa perlunya kegiatan dakwah diperluaskan lagi dengan cara-cara yang lebih berkesan bagi mempengaruhi pemikiran masyarakat Islam sekarang yang sangat terpengaruh kepada kebudayaan dan unsur-unsur hiburan sehingga menjadikan mereka lalai daripada menjalankan tanggungjawab agama dan menyebabkan mereka terdedah kepada keruntuhan akhlak dan kelemahan iman.

Adalah tidak benar mengatakan bahawa pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri enggan langsung mempelajari agama Islam, kerana kenyataan yang sebenarnya menunjukkan bahawa pelajar-pelajar kita di luar negeri khususnya di United Kingdom dan Amerika adalah sedang haus kepada pengetahuan agama dan sedang menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah di kalangan sesama mereka dan hasilnya sangat menggalakkan dan sebahagian daripada pelajar-pelajar kita telah kembali beramal dengan ajaran Islam dan sangat berminat untuk mengetahuinya dengan lebih mendalam lagi. Hanya terdapat beberapa kekeliruan tentang memahami Islam dengan secara yang lebih objektif.

Saya menyeru badan-badan dakwah menunaikan peranannya dalam bidang memahamkan Islam dari skop yang lebih luas dan menggambarkan bahawa Islam adalah agama progresif yang bukan sahaja mementingkan soal akhirat tetapi jua soal-soal hidup di dunia. Untuk memberikan bimbingan yang lebih sempurna kepada pekerja-pekerja kita di luar negeri, maka pihak Kerajaan bercadang akan menghantar pegawai-pegawai yang berkelayakan keluar negeri bagi membimbing para pelajar dalam memahami ajaran Islam dengan lebih berkesan lagi.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin ngetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada satu kumpulan yang sekarang ini, saya tidak tahu di tempat lain,

berjalan di Trengganu yang menamakan dirinya Kumpulan Dakwah mengandungi sebahagian besarnya datang daripada India. Orang-orang ini datang kadang-kadang sebulan, kadang-kadang sampai dua bulan, lepas itu dia balik dan dia bercampur dengan penduduk tempatan; duduknya di masjid. Pegawai tinggi pun ada bercampur sama, mereka memberi yuran seringggit sehari untuk makan di masjid. Dia masak kalau ikan keraing sama ikan kering, balik ke rumah pun sekejap sahaja. Saya ingin bertanya adakah kumpulan ini di bawah pengetahuan Bahagian Dakwah yang ada di Jabatan Perdana Menteri itu ataupun adakah Jabatan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengetahui gerakan-gerakan itu ataupun gerakan itu ada mempunyai susunan yang tertentu kerana mengikut keterangan mereka, saya telahpun berjumpa dengan mereka sekali kerana mereka datang menyeru kepada saya di rumah, katanya, dia berpusat di India dan khalifahnyanya ada di sana. Ada orang-orang Trengganu yang telahpun di-pawa pergi ke sana selama dua minggu berjalan memberi dakwah di sana secara bergilir-gilir.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya mendakwah adalah ajaran Islam dan ke mana pun juga kita pergi sebagai seorang Muslim hendaklah menyeru umat ini ke jalan Tuhan. Tetapi berkait dengan soalan Ahli Yang Berhormat tentang pendakwah-pendakwah yang datang daripada negeri India, pada asasnya adalah juga baik tetapi tidaklah diketahui apakah notifnya di belakang itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan-kerajaan Negeri yang menguasai dan mentadbir hal ehwal agama Islam ini secara langsung adalah berhak meyasat pendakwah-pendakwah ini yang datang dari luar dan mereka berkuasa memerikan tauliah atau menahan sebarang pendakwah memberikan syarahan atau dakwah-yang di negeri mereka masing-masing.

Tentang sedar atau tidaknya, saya cukup sedar atas kehadiran mereka ini dan pernah berjumpa dengan saya pada beberapa hari yang lalu.

**Tuan Syed Omar bin Syed Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana sekarang badan-badan dakwah telah muncul di seluruh Malaysia sebagai cendawan, adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

mencadangkan supaya diberi arahan ke seluruh Jabatan-jabatan Ugama di Malaysia ini supaya mengawal dan membuat satu peraturan yang tetap supaya sama rata di seluruh Malaysia supaya badan-badan dakwah ini dikawal dengan rapinya.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sudah ada satu badan bagi menyelaras badan-badan dakwah ini yang di namakan Yayasan dakwah. Tujuannya ialah menyelaraskan kegiatan-kegiatan dakwah yang bertibaran di dalam negeri kita ini, tetapi oleh kerana Yayasan Dakwah ini bukan usaha dan tenaganya terbatas, maka kerjakerja yang lebih mendatangkan kesan belum dapat dilihat. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi urusan pendakwah di negeri masing-masing adalah secara langsung tertakluk di bawah negeri masing-masing, kecuali negeri-negeri yang tidak ada beraja, bersultan, maka ia bolehlah Jabatan Perdana Menteri ini mengambil tahu.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar untuk mengelakkan perkara ini bukan sahaja berlaku kepada umat Islam kerana ia berkait di antara satu kaum oleh sebab kawasan di sekeliling kita sekarang. Adakah Kerajaan bercadang supaya dakwah ini meliputi kepada rakyat seluruhnya bukan Islam dan Islam juga.

Yang kedua, oleh sebab ugama rasmi kita ialah Ugama Islam bahawa Jabatan Perdana Menteri atau Yayasan Dakwah ini bersedia memberi dakwah dengan mengenalkan Islam kepada rakyatnya di dalam negara ini bahawa Islam sebagai Ugama Rasmi.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, dakwah keluar daripada masyarakat Islam telah kita jalankan dan kalau Yang Berhormat saudara saya itu dapat mengikuti perkembangan yang dilakukan oleh PERKIM tentulah beliau tahu bahawa dakwah yang dilakukan oleh PERKIM ini khusus untuk orang bukan dalam golongan orang Islam untuk memasukan mereka ke dalam Islam.

Adapun soalan yang kedua berkenaan dengan ugama Islam sebagai Ugama Rasmi sekarang ini kalau saya perhatikan sedikit demi sedikit samada kita rasai atau tidak dakwah itu berjalan melalui penerangan-penerangan di Jabatan Penerangan, di TV,

di radio, azan dan semuanya ini masuk ke rumah orang yang bukan Islam jika mereka ini membuka radio atau talivisyennya dan juga kepada orang Islam barangkali tidak masuk ke dalam rumah orang Islam sendiri kalau dia menutup radio atau talivisyennya.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah perkara yang disebut dalam soalan ini bahawa wanita itu hendaklah bertudung, orang Islam jangan mendengar radio, jangan menengok TV, jangan duduk di atas kerusi, jangan makan di atas meja; ini juga menegirukan ajaran Islam, atau ini juga tidak dikehendaki oleh Yayasan Dakwah di Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan wanita menutup auratnya ini adalah wajib dalam agama kita dan adalah wajib seseorang muslim laki-laki atau perempuan menutup auratnya, terutama sekali wanita samada di dalam masa dia beribadah atau di luar dia beribadah, maka auratnya hendaklah ditutup. Tentulah Ahli Yang Berhormat itu lebih faham dari saya tentang perkara ini. Adapun masaalah-masaalah yang mubah, masaalah-masaalah yang tidak diwajibkan, misalnya, mempunyai talivisyen di rumah, tidak ada satu undang-undang yang mewajibkan kita mempunyai talivisyen di rumah. Kalau orang itu tidak hendak membeli talivisyen, tidak ada undang-undang yang boleh menangkap dia, itu terserah kepada dia sendiri. Begitu juga kalau kerusi, meja, makan menggunakan tiga jari, tidak ada satu undang-undang yang boleh menyekat dia berbuat selama dia tidak mengganggu ketenteraman umum (orang ramai). Dan saya rasa ini adalah kesukaan seseorang itu, tetapi kalau dia menganggap bahawa inilah ajaran Islam dan orang lain yang tidak mengikutinya itu merupakan orang yang bertentangan dengan Islam dan keluar dari ajaran Islam, maka saya akan cuba memerhatikan perkara ini dan bertindak sejajar dengan tugas yang ada kepada Jabatan ini.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, baru sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kita menyatakan bahawa Yayasan Dakwah setakat masa ini masih kekurangan tenaga dan menyebabkan segala pengawasan dan kegiatan dakwah kurang dapat dilaksanakan. Saya suka hendak mendapat penjelasan daripada

Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan setelah kesedaran ini ada, maka adakah cadangan untuk menambah pegawai-pegawai Yayasan Dakwah dan juga peruntukan kepada yayasan ini pada masa akan datang.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah perlu hendak menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini, saya akan mengolong perbincangan tentang dakwah yang dibangkitkannya kerana soalan ini berkait dengan perkara itu, iaitu tentang kegiatan Yayasan Dakwah memanglah terbatas. Begitu juga tentang Instituit Dakwah di Majlis Hal Ehwal Ugama Islam diperingkat Pusat inipun terbatas. Sebab-sebab terbatas ini, yang pertama sekali ialah kekurangan tenaga dan kalau sekiranya tenaga kita sudah cukup dan mana yang perlu kita tampung tentulah juga perbelanjaannya akan lebih. Di sini saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bangunan yang ada sekarang ini daripada Pusat Islam akan diperluas dan dipertingkatkan lagi. Tujuannya ialah untuk mengisi kekurangan-kekurangan dan kekosongan seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah Kementerian yang bertanggungjawab berfikir iaitu ada orang mengatakan propaganda atau dakyah atau dakwah penerangan Islam kepada orang-orang kampung di Kedah iaitu orang-orang Islam, orang Melayu, sebagaimana yang dikatakan tidak boleh mendengar radio, tidak boleh makan di atas meja dan duduk di atas kerusi lagi, mesti duduk bersila atas tikar, jangan bersikap seperti penjajahan dahulu dan sebagainya. Ini adalah pengajaran-pengajaran agama kononnya ada di Kedah pada hari ini. Jikalau sekiranya benar, tidakkah ini mendatangkan bahaya kepada orang Melayu yang beragama Islam kerana ini adalah satu daripada ajaran komunis yang meresap di dalam agama, iaitu orang sama rata duduk di atas tikar. Jadi lama-lama meresaplah semangat ini ke dalam orang-orang Melayu yang ada di Kedah ini. Tidakkah ini penting bagi pejabat atau Kementerian yang bertanggungjawab memerhatikan di atas perkara ini dan jikalau misalnya difikirkan benar, adakah perkara ini akan disiasat dengan sebenar-benarnya dan mengambil tindakan di atas perkara ini.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah jawab bahawa seseorang yang suka duduk dengan tidak menggunakan kerusi, tidak mendengar radio dan talivisyen adalah hak peribadinya sendiri dan saya tidak hendak campur dalam hal ini, tetapi soal hendak sama rata itu ajaran komunis seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi, sebenarnya bukan komunis. Kita bersembahyang Jumaat pun semua sama rata, itu bukan ajaran komunis, itu adalah ajaran Islam. Cuma komunis menggunakannya mengatakan Islam itu sama dengan komunis. Sebenarnya, komunis dengan Islam sama sekali tidak sama. Apa yang dilakukan oleh Islam persamaan di masjid, di surau itu adalah amalan yang dijalankan oleh ajaran Islam. Jangan ada satu fahaman yang mengatakan bahawa kita bersembahyang di masjid sama rata ini kerana mengikut ajaran komunis—tidak, saya nafikan sama sekali.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri ini salah faham. Saya bukan hendak menentang apa yang dikatakannya itu. Saya juga tahu ajaran Islam, saya orang Islam dan sudahpun pergi ke Mekah (*Ketawa*). Soalnya perkara ini meresap di kalangan orang

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Saya sedar bahawa memang masalah tanah masih banyak belum diselesaikan. Ini adalah disebabkan:

- (i) Bilangan pegawai-pegawai tanah masih kurang, terutama pegawai-pegawai yang terlatih.
- (ii) Jumlah kerja di Pejabat-pejabat Tanah makin bertambah.
- (iii) Permohonan-permohonan tanah juga terus bertambah. Langkah-langkah yang sedang diambil adalah—

- (i) Latihan mengenai soal tanah sedang dipergiatkan lagi. Bahagian Latihan telah diadakan di Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan bahagian ini telahpun memulakan tugas-tugasnya dengan mengadakan beberapa kursus tanah untuk pegawai-pegawai tinggi;
- (ii) Bahagian Penyelarasan dan Penyelidikan telah juga menjalankan tugas-tugasnya menganalisa dan menyelidik kerja-kerja di Pejabat Tanah dari satu masa ke satu masa.

(b) Setakat kajian hari ini jumlahnya adalah dianggarkan seperti berikut:

	Negeri	Tanah Pertanian (ekar)	Tanah Perumahan (ekar)	Lain-lain (ekar)
Johor	... ..	23,424	2,813	—
Kedah	... ..	45,000	16	—
Kelantan	... ..	45,000	—	—

kampung—orang Melayu yang miskin. Mereka tidak mengajak kita semua ini, mereka mengajak orang kampung supaya diresapkan dengan semangat ini. Kita fikir semangat ini semangat Islam, tetapi komunis meresap (infiltrate) ke dalam perkara ini. Itu yang saya takuti. Dengan sebab itu boleh atau tidak diberi penerangan.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, menyasiat perkara ini boleh tetapi kita mempunyai bidang tugas masing-masing maka negeri adalah menguasai Jabatan Ugama Negeri masing-masing.

## PEJABAT TANAH

2. **Datuk Haji Ahmad Arshad** minta Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa masalah tanah masih belum lancar lagi dan apakah langkah yang sedang diambil untuk menyusun peraturan mengenai perkara ini yang dapat diterima oleh Kerajaan-kerajaan Negeri; dan
- (b) keluasan tanah yang diteroka secara haram yang masih belum diselesaikan di tiap-tiap Negeri dan apakah langkah yang diambil supaya keadilan dapat di laksanakan.

Melaka ... ..	149	—	—
Negri Sembilan ... ..	1,228	22	—
Pahang ... ..	70,430	200 buah rumah	—
Perak ... ..	40,000	5,000 ekar	500
Perlis ... ..	29,948	45	7
Pulau Pinang ... ..	170	36	0.5
Selangor ... ..	5,000	500	100
Trengganu ... ..	5,795	538	—
Wilayah Persekutuan ... ..	3,170	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	266,115	12,142	607.5

Kajian peringkat Negeri sedang dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengatasi masalah ini dengan berpandukan kepada Kanun Tanah Negara.

**Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian mengesyorkan atau mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengadakan satu badan khas untuk menyelesaikan cara pengeluaran tanah ini.

**Datuk Abdul Aziz bin Tapa:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar dakwaan akhbar-akhbar mengatakan bahawa ada orang Siam yang meneroka tanah haram di sempadan Malaysia, jika benar apakah tindakan yang telah dibuat.

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bukan sahaja mencadangkan malah telah dibangkitkan di dalam Majlis Tanah Negara tetapi soal perlaksanaannya tidaklah dapat dicadangkan antara satu negeri dengan satu negeri bergantunglah cara perlaksanaannya itu kepada keadaan dan kondisi yang ada pada setiap buah negeri. Sebagai misalnya ada negeri yang berpendapat bagi mereka yang sesudah dilarang, sesudah dinasihat jangan membuka atau meneroka tanah Kerajaan secara haram tetapi mereka tidak mengindahkan larangan itu, maka golongan seperti ini amatlah keberatan bagi setengah Kerajaan Negeri untuk meluluskan permohonan samada dengan cara bagaimana sekalipun, sebab itu akan menjadi satu tauladan yang tidak baik kepada rakyat yang setia kepada undang-undang yang menunggu untuk mendapatkan tanah mereka taat pada undang-undang mereka tidak pergi memerintah tanah itu secara haram tetapi orang yang pergi memerintah secara haram dengan melanggar undang-undang mereka berhasil dan berjaya mendapat tanah, ini akan menjadi tauladan yang tidak baik untuk mendorong semua rakyat berebut-rebut membuka tanah Kerajaan secara haram. Sebab itu, Kerajaan-kerajaan Negeri diberi peluang mengkaji supaya langkah-langkah yang diambil itu sesuai dengan suasana dan keadaan negeri masing-masing.

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada berita dalam akhbar hari ini, satu kenyataan yang dikeluarkan oleh pemerintah tentera iaitu General Jaafar Onn barangkali jawapan tidak perlu diberikan lagi. Akan tetapi, oleh kerana mungkin ada yang tidak membaca akhbar, saya terpaksa menyatakan dengan ringkas memang benar ada, tetapi mereka telah lebih dahulu, siang-siang lagi berpindah keluar, masuk balik ke negeri masing-masing, hanya tinggal beberapa orang sahaja lagi tatkala Pasukan Keselamatan kita tiba di tempat itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut pendapat saya bahawa Yang Berhormat Menteri masih tidak menjawab soalan (b). Itu pandangan saya.

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jawapan (b) sudah saya berikan. Keluasannya yang diteroka secara haram yang masih belum diselesaikan itulah jumlahnya dan langkah-langkah yang diambil supaya keadilan dapat dilaksanakan sudah saya terangkan tadi dengan sejelas-jelasnya.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian ini bercadang bahawa tanah-tanah haram yang sekian banyak ini supaya diambilalih oleh Kerajaan Negeri dan diberikan kepada badan-badan agensi Kerajaan seperti FELCRA setelah tanah itu diproses diberikan kepada rakyat sebab tanah haram ini menurut apa yang saya tahu ialah diusahakan oleh sindikit yang hendak mencari faedah dirinya sendiri. Bolehkah Kerajaan Pusat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi mengatasi dan memikirkan atas pandangan saya ini.

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, soal yang pertama sekali yang perlu saya jelaskan bahawa perkara-perkara tanah adalah perkara Kerajaan Negeri. Sungguhpun begitu pihak Kerajaan Pusat dapat mengadakan penyelarasan melalui Majlis Tanah Negara.

Yang kedua pula, tidak semuanya tanah-tanah yang diperintah secara haram ini dilakukan oleh sindikit. Kalau dilakukan oleh sindikit yang terdiri daripada saudagar-saudagar yang kaya, ini jelas langkah tegas sudahpun diambil, tetapi mengenai soal tanah yang diperintah oleh rakyat yang kebetulan pula ada getah yang sudah boleh ditoreh ataupun kelapa sawit misalnya, yang sudah boleh diambil buahnya dan langkah-langkah diambil dengan cara keras dengan tidak mengindahkan keadaan sekeliling dan kondisi yang ada pada ketika itu, inipun akan bukan sahaja merosakkan pentadbiran negara tetapi barangkali merugikan juga orang-orang seperti Ahli Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat lain. Jadi, dengan sebab itu, kita serahkan dahulu kepada kajian Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Pusat untuk mengatasinya.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah soal berlembut macam ini bahawa Kementerian ini juga bertimbang rasa dengan sindikit ini demi untuk hendak memikirkan faedah dan kepentingan dia.

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab, kalau terhadap sindikit tindakan tegas sudahpun dilakukan.

**SINDIKIT BELI KELAPA SAWIT FELDA**

**3. Datuk Haji Ahmad Arshad** minta Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) berapa lamakah baru disedari bahawa ada satu sindikit dengan modal beratus-ratus ringgit, membeli kelapa sawit secara haram daripada peneroka dan ladang-ladang FELDA;
- (b) hingga hari ini berapa tangkapan telah dibuat; dan
- (c) apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat yang diketahui penjualan buah sawit secara haram mula menjadi-jadi dalam tahun ini apabila harga minyak sawit di pasaran dunia jatuh ke paras yang rendah.
- (b) Setakat ini jumlah tangkapan yang telah dibuat adalah seperti berikut:

	Negeri	Tangkapan
Perak	... ..	9
Pahang (termasuk Kawasans Jengka)	... ..	25
Negeri Sembilan	... ..	6
	Jumlah	40

- (c) Dengan kerjasama pihak polis, Felda telah berjaya untuk mengatasi masalah jualan haram ini. Mulai 2/8/76 guard-guard atau pengawal-pengawal dari Perbadanan Perkhidmatan Keselamatan Felda sendiri telah mengambil alih kerja-kerja rondaan dan sekatan jalan-jalan raya yang dahulunya diuruskan bersama oleh kakitangan Felda dan anggota Polis. Di samping itu, kakitangan dan ketua peneroka juga melibatkan diri untuk menasihatkan mereka supaya berhentikan perbuatan itu kerana apa yang dibuat itu akan merosakkan ekonomi mereka. Buat masa ini situasi penjualan haram adalah terkawal.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Dalam jualan haram ini walaupun terkawal tetapi adakah Kementerian ini sedar

an ini juga disokong oleh a dalam Felda, dengan maksud supaya dia dapat mengelakkan dikenakan cukai pendapatan, cukai n yang pada paysheetnya ada anya dijual luar pendapatannya 1 dia terlepas daripada cukai-saya sebutkan itu. Adakah Ke-ni sedar dalam masaalah ini.

**Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** ng di-Pertua, sebenarnya bukan mengelak cukai pendapatan atau mbangunan tetapi mengelak diri membayar hutang Felda. Kalau ar dia dapat duit kontan, kalau me-da dia tak dapat kontan kerana se-nya dipotong untuk hutang Felda. ; sedar, sebab itu saya nyatakan di awa kakitangan dan ketua peneroka elibatkan diri untuk menasihatkan supaya memberhentikan perbuatan reka itu bukan sindikit, tetapi kaki-anggota-anggota Felda itu sendiri.

**Haji Ahmad bin Arshad:** Daripada an Yang Berhormat Menteri itu, satu ra yang saya hendak bertanya, adakah nterian ini sedar bahawa kegelisahan a-peserta Felda kita itu dengan sebab ta dikenakan cukai pendapatan dan pembangunan yang tak patut mereka sebab mereka itu tergolong daripada pe- kecil. Adakah Kementerian ini ber- n hati dengan Kementerian Kewangan a mereka ini dilepaskan daripada di- an cukai yang tersebut.

**Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** Yang di-Pertua, sangat-sangat sedar rundingan dengan Kementerian Ke- an sedang pun berjalan sekarang. Insha , mudah-mudahan berhasil hendaknya.

### GAMBAR X-RAY DADA DI HOSPITAL

**Chan Chua Ching Cheng** minta Menteri atan menyatakan:

samada beliau sedar oleh kerana ke- naikan bayaran pengambilan gambar X-ray dada di Hospital telah mening- kat dari \$10 kepada \$65 bagi tiap-tiap sekeping gambar maka dengan ini telah membebankan ramai pekerja-pekerja

kilang dan perusahaan yang miskin yang memerlukan gambar X-ray dada untuk mendapatkan pekerjaan mereka;

- (b) samada beliau sedar oleh kerana ke- naikan bayaran ini telah juga dengan secara tidak langsung menafikan mereka yang disyaki menghidap penya- kit T.B. mendapat kemudahan yunit X-ray di hospital-hospital untuk mem- pastikan penyakit tersebut dan seterus- nya menyekat penyakit tersebut ber- jangkit kepada orang lain; dan
- (c) samada beliau akan menimbang semula supaya bayaran tersebut dikurangkan ke satu kadar yang menasabah.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Kesihatan, jawapan untuk:

- (a) Ya, Menteri Kesihatan sedar bahawa kenaikan bayaran pengambil gambar X-ray dada di hospital telah dinaikkan dan ini mungkin menyebabkan kesu- litan kepada beberapa golongan mereka yang miskin yang memerlukan gambar X-ray ini.
- (b) Menteri Kesihatan tidak sedar bahawa oleh kerana kenaikan bayaran ini ianya telah menafikan mereka yang disyaki mengidap penyakit tibi mendapat ke- mudahan X-ray di hospital untuk mem- pastikan penyakit tersebut dan seterus- nya menyekat penyakit tersebut ber- jangkit kepada orang lain kerana per- untukan telah dibuat di dalam Perin- tah Bayaran yang berkenaan bahawa mereka ini adalah dikecualikan dari- pada dikenakan bayaran X-ray dan juga jika dimasukkan ke Wad Kelas 3 mereka ini dikecualikan daripada bayaran wad, rawatan dan kepakaran.
- (c) Kementerian Kesihatan sedang meng- kaji setengah-setengah daripada kadar bayaran yang berkenaan itu.

**Dr Lim Ah Sitt:** Tuan Yang di-Pertua, adakah wakil Menteri berkenaan sedar dengan kenaikan bayaran pengambilan gambar X-ray di hospital yang saya fikir sangat tak patut dan terlampau tinggi, Kera- jaan bukan sahaja mengatakan inflasi dalam bidang perkhidmatan perubatan dalam hospital, tetapi juga di private practice

kerana kadar bayaran X-ray telah juga meningkat. Misalnya, bayaran X-ray di hospital dahulu \$20, dan private practice \$10, sekarang di private practice pesakit kena bayar \$20, kerana hospital telah mengenakan harga \$40. Saya fikir ini boleh memberi kesusahan dan kerumitan kepada orang ramai yang miskin yang tidak mampu. Soalan saya ialah bolehkah Menteri kurangkan kadar bayaran.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, seperti kata saya tadi Kementerian Kesihatan sedang mengkaji setengah-setengah daripada kadar bayaran yang berkenaan itu dan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat akan disampaikan kepada Menteri sendiri.

## PELAJARAN TINGGI

**5. Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan kepada permintaan yang besar ke atas pelajaran tinggi dan bilangan yang besar penuntut-penuntut pre-universiti yang tidak mendapat tempat di universiti-universiti dan Kolej-kolej anjuran Kerajaan, adakah beliau akan menggalakkan lebih banyak institusi-institusi pelajaran tinggi swasta ditubuhkan untuk menampung keperluan penuntut-penuntut yang tidak mendapat tempat tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, (a) Tidak.

Sebenarnya, jumlah bilangan tempat-tempat baru yang ditawarkan di Universiti-universiti bertambah setiap tahun, namun begitu adalah mustahil bagi Kerajaan untuk menampung kesemua calon-calon yang ingin melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi kerana penambahan pengambilan pelajaran baru adalah dibataskan oleh faktor seperti kakitangan yang terlatih dan berkelayakan, tempat, wang dan lain-lain kemudahan makmal yang diperlukan.

Lagi pun sekarang ini Kerajaan telah mempunyai lima buah universiti di samping pusat-pusat pengajian tinggi seperti I.T.M. dan Politeknik Ungku Omar. Selain dari Universiti Malaya, universiti-universiti tersebut adalah di dalam proses perkembangannya dengan itu bilangan pelajar-pelajar setiap tahun yang diambil akan bertambah.

Bagi menampung bilangan tidak dapat melanjutkan pelajaran dan Institusi pelajaran jaan juga telah mengadakan latihan yang bercorak vokesyer dan perguruan. Misalnya, Ker mengadakan latihan dalam bi perguruan, kejururawatan, pertanian, perubatan, kesihatan dan

Dengan langkah di atas, Kerajaan dapat menampung bilangan permit semakin bertambah dari penuntut yang lulus dari peringkat pre-Selain dari itu, sayugia juga c bahawa penubuhan sesebuah institusi pelajaran tinggi yang bertaraf 1 atau Kolej Universiti hendaklah 1 syarat-syarat yang diperuntukkan d Akta Universiti dan Kolej Univers serta memenuhi dasar pelajaran keba

Persediaan tempat latihan tidak boleh ngikut kehendak penuntut-penuntut tetapi perlu mengambilkira kehendak manusia untuk negara. Jika latihan tanpa menitikberatkan perkara ini kemungkinan graduate universiti akan nganggur. Sekarang ini pun sudah sungutan bahawa dalam beberapa juta pemegang ijazah universiti sukar men kerja.

## PEMAJU PERUMAHAN SWASTA

**6. Datuk Mansor bin Mohamad** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perumahan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pemaju-pemaju mahan Bumiputra yang telah men lesen untuk menjalankan perniannya dari Kementerian ini dengan berikan angka-angka pecahan masyarakat dan orang perseorangan;
- (b) memandangkan bahawa kebanyakan kaum Bumiputra adalah kurang segi kemudahan-kemudahan kewangan dan kemahiran untuk memasukan pangan perniagaan ini, nyatakan bantuan yang diberikan kepada mereka oleh Kementerian ini untuk mereka dalam perniagaan ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ram**

nar): Tuan Yang di-Pertua, jawapan pada

(a) Bilangan pemaju-pemaju perumahan bumiputra yang telah diberi lesen di bawah Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan menurut kategori perniagaan syarikat atau perseorangan adalah seperti berikut:

Tahun Lesen dikeluarkan	Bilangan Syarikat	Perseorangan
1970	Satu	Tiada
1972	Satu	Tiada
1973	Satu	Tiada
1974	Tujuh	Satu
1975	Sebelas	Satu
1976	Enam	Tiada

(sehingga  
30hb Jun)

(b) Tugas utama Kementerian saya dari segi kemajuan perumahan swasta ialah mengawal dan melesen pemaju-pemaju perumahan sebagai termaktub di bawah Akta yang berkenaan. Ini adalah satu peranan yang terkanun (statutory) dan undang-undang itu mestilah dikuatkuasakan. Kementerian saya tidak menyediakan kemudahan-kemudahan kewangan atau membantu kemahiran yang diperlukan oleh seseorang atau sesebuah syarikat berlesen sebagai pemaju perumahan.

Namun demikian, bagi menggalakan mana-mana pihak, terutama Bumiputra samada perseorangan atau syarikat-syarikat yang berminat untuk berurus-niaga sebagai pemaju perumahan swasta, Kementerian saya ada memberi layanan seperti berikut ini:

- (i) bagi yang memohon dan dianggap layak berniaga menerima, mereka diberi kelonggaran tertentu di bawah peruntukan undang-undang yang berkenaan. Kelonggaran ini diberi menurut kadar agar bumiputra yang sungguh-sungguh memerlukan kemudahan itu dapat diberi lesen dan kepentingan sah pihak pembeli-pembeli rumah dapat dipelihara oleh Kementerian; dan
- (ii) memberi khidmat nasihat kepada mereka yang memerlukan samada mengenai cara-cara yang sesuai mendapat lesen atau mencari punca-punca kemudahan kewangan atau lain-lain maklumat yang difikirkan menasabah.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kepada jawapan (b). Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan Menteriannya ada memberi kelonggaran Undang-undang, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah kelonggaran yang diberi ini?

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kelonggaran kepada bumiputra dalam Akta Pemaju-pemaju dan Pelesen Perumahan ialah di bawah seksyen 6 (2) iaitu Yang Berhormat Menteri boleh menimbangkan kalau sekiranya ada kerumitan-kerumitan kepada pihak Bumiputra terutamanya masalah-masalah deposit dan sebagainya, boleh ditimbangkan mengikut aturan-aturan yang tertentu dan mengurangkan kalau sekiranya mereka itu tidak mampu untuk hendak membayar deposit satu daripada syaratnya mengikut Undang-undang Akta itu dalam Seksyen 6 (2).

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bolehkah saya difahamkan bahawa apabila Menteri menggunakan kuatkuasanya di bawah Seksyen 6 (2) yang disebutkan tadi maka tindakan Yang Berhormat Menteri itu tidak bertentangan dengan Perkara 8 Perlembagaan Malaysia?

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang itu ada kaitannya dengan yang lain bukan semestinya jadi dia ada pula kaitan-kaitannya yang lain. Kaitan-kaitannya yang saya sebutkan tadi ia itu kalau sekiranya mereka yang sangat memerlukan atau mereka yang boleh kata terdesak dan saya rasa mengenai dengan kuasa yang ada kepada Yang Berhormat Menteri itu melanggar kepada Undang-undang itu perkara itu saya rasa tidak timbul oleh kerana Akta ini telah dipersetujui oleh Parlimen dan Dewan Negara memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri tetapi kuasa itu tidaklah digunakan dengan sewenang-wenangnya melainkan dipertimbangkan dengan teliti dan sedalam-dalamnya sebelum sesuatu tindakan atau sesuatu keputusan itu diambil.

**Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin H: Zainal Abidin:** Tuan Yang di-Pertua, ka

Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ia itu ada enam syarikat yang telah diberikan kepada Bumiputra pada tahun 1976. Berapa banyakkah daripada yang enam ini dengan menggunakan kuasanya itu?

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan itu terlalu umum dan saya tidak dapat menjelaskan perkara itu kerana Kementerian saya diwujudkan pada tahun 1974, baharu sahaja, tetapi bolehlah saya jelaskan bahawa ini untuk menggalakkan dan pada tahun 1974 bilangan syarikat perumahan bumiputra ialah tujuh dan tahun 1975 sebelas dan boleh dikatakan banyak bumiputra yang telah maju ke hadapan bagi mengambil bahagian dalam perusahaan perumahan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar pemaju perumahan Syarikat Bumiputra pada tahun 1975 sebagaimana keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi naik sebelas. Tahun 1976 tinggal enam. Adakah Kementerian ini sedar bahawa satu daripada puncanya yang menjadi kurangnya bumiputra dan kurang galakan bumiputra mengambil bahagian dalam perumahan iaitu dalam masalah hendak mendirikan rumah di atas tapak-tapak perumahan itu, sebab tanah-tanah mesti hendak diubah syarat, kemudian diminta kepada Kerajaan Negeri sangat lama bertahun-tahun, bolehkah Kementerian ini memberi satu kemudahan lagi kepada bumiputra, pakat dengan Kerajaan Negeri dimana syarikat pemaju perumahan bumiputra diberi keutamaan supaya syarat bagi tanah itu disegerakan dan dengan ini dapat dipercepatkan orang bumiputra boleh mendirikan seperti yang dibuat oleh orang yang bukan bumiputra.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perlembagaan negara kita tanah ialah kuasa Kerajaan Negeri dan mengenai menambah atau memajukan lagi bumiputra, ada Badan-badan Berkanun yang tertentu seperti UDA, MARA dan sebagainya yang dapat memberi pertolongan. Tanah ini adalah soal Kerajaan Negeri. Kita tidak dapat hendak memberi cepat dalam masalah memperosokkan tanah. Kalau macam mana pun pada 29hb yang lalu Kementerian saya telah mengadakan mesyuarat dengan Wakil-wakil Kerajaan

Negeri dan kita telah membincangkan apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sekiranya boleh menyoergerak lagi memproses tanah untuk tapak atau membangunkan rumah itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, apakah jawapan Kerajaan Negeri dalam mesyuarat itu?

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Kerajaan Negeri bersetuju langkah-langkah untuk cepat memproseskan kalau ada syarikat bumiputra hendak memajukan perumahan.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yakin syarikat bumiputra yang diberi lesen pemaju perumahan itu betul-betul dilakukan oleh bumiputra dengan modal dan tenaga bumiputra sendiri atau adakah dia jadi perisai atau jadi kuda.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu sendiri pun faham masalaahnya, tetapi walau macam apapun saya yakin bahawa bumiputra pada masa sekarang ini, kalau mengikut daripada tahun-tahun mulai daripada tahun 1970 sehingga 1975, sudah pun ramai yang berusaha sendiri untuk memajukan perumahan itu. Kalau dituduh bumiputra dengan mengatakan mereka itu jadi topeng, saya menafikannya di dalam Dewan yang mulia ini.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu menurut Seksyen 6 (2) Akta Pemaju-pemaju Perumahan pertimbangan boleh diberi kepada bumiputra. Adakah itu mengikut Perkara 153 dalam Perlembagaan mengenai hak keistimewaan orang Melayu. Jika ya, ada satu peruntukan dalam Akta Pemaju Perumahan yang berkehendakkan sesiapa sahaja bumiputra yang hendak memajukan perumahan mestilah mempunyai modal sekurang-kurangnya \$250,000 iaitu \$1/4 juta, dan bolehkah direndahkan kadar ini supaya ramai lagi bumiputra dapat masuk di dalam lapangan ini.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan boleh atau tidak mengurangkan \$250,000 itu, sebenarnya untuk memaju-pemaju perumahan dengan pembelian perumahan, Kementerian saya sebagai transaction untuk mengawal dan menagah. Jadi, kalau boleh tidak payah ada nodal langsung pun tidak mengapa. Tetapi kita tidak boleh berbuat demikian oleh kerana hendak mengawal di antara kedua-dua pihak iaitu pihak pemaju-pemaju perumahan dan pihak pembeli-pembeli perumahan supaya pada akhirnya tidak ada perenggaran atau pergaduhan. Tetapi bagi pihak bumiputra sebagaimana saya jawab tadi ada kelonggaran-kelonggaran iaitu kalau projek yang hendak dijalankan itu besar kita boleh perkecilkan dan peruntukan (deposit) yang dikehendaki kurang itu boleh kita kurangkan mengikut perundingan dan Menteri boleh benarkan, kalau sekiranya ada. Dia tidak boleh beri peruntukan \$250,000 kepada satu company untuk dibelanjakan semua sekali bagi projek perumahan. Kita buat kecil-kecil, Phase I, Phase II, Phase III. Dengan itu perbelanjaan boleh dikurangkan.

Keduanya, kalau Ahli Yang Berhormat itu menyatakan mengikut Perlembagaan 153 yang menjamin hak orang Melayu, pergi kepada dasar perumahan. Kita memang ikut Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan dan menolong tanpa mengira kaum. Konsep itu kita pegang khususnya Kementerian saya memang pegang atas konsep itu dan kita hendak mengesimbangkan. Sekarang ini bagi langkah ke hadapan bolehlah kita memajukan rancangan perumahan ini. Bagi pihak bumiputra yang hendak memajukan perumahan, eloklah bumiputra tersebut masuk menjadi ahli Persatuan Pemaju-Pemaju Perumahan (Housing Developers' Association) yang boleh bersama-sama duduk dalam Badan itu dan kita sebagai satu bangsa yang bersatu-padu boleh melaksanakannya dengan tidak menimbulkan salah faham dalam menyebutkan soal Perlembagaan tadi.

## HOSPITAL DAERAH TAPAH

**7. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada sebuah wad bersalin yang baru akan dibina di Hospital Daerah Tapah bagi menggantikan yang ada sekarang yang sudahpun lama.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kesihatan, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu di Hospital Daerah Tapah, telahpun ada sebuah wad bersalin yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang cukup untuk perkhidmatan perbidanan di Tapah. Tidaklah perlu dibina satu wad bersalin yang baru oleh kerana sungguhpun wad yang sedia ada itu sudahpun lama, tetapi masih boleh memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang cukup.

## LAPANGAN TERBANG PENGKALAN CHEPA KELANTAN

**8. Datuk Dr Wee Khoo Hock** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) bilakah kemudahan-kemudahan lapangan terbang Pengkalan Chepa Kelantan untuk penerbangan malam akan disediakan;
- (b) bilakah perkhidmatan penerbangan malam di antara Kota Bharu dan Kuala Lumpur akan dimulakan;
- (c) bilakah Kerajaan Pusat sanggup membiayai Kerajaan Negeri Kelantan untuk membeli ladang kelapa yang berhampiran dengan lapangan terbang itu supaya keselamatan kapal terbang mendarat dan berlepas dapat dijamin.

**Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kemudahan-kemudahan untuk penerbangan malam di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa Kelantan seperti pemasangan lampu Lapangan Terbang telahpun disiapkan. Walaupun begitu penerbangan malam tidak dapat dilakukan selagi pokok-pokok yang menjadi penghalang tidak dibersihkan demi keselamatan penerbangan tersebut.
- (b) Penerbangan malam di antara Kota Bharu dan Kuala Lumpur akan dimulakan sebaik sahaja pokok-pokok yang menjadi penghalang dibersihkan.
- (c) Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri masih di dalam peringkat perundingan samada untuk membeli atau membayar gantirugi untuk pembersihan pokok-pokok yang menjadi penghalang kepada keselamatan pergerakan pesawat udara turun dan naik Lapangan Terbang Pengkalan Chepa.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya berapa tahun lagi masa yang akan diambil untuk memotong pokok kelapa tadi?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi, ini adalah bergantung kepada keputusan yang boleh didapati di antara Kerajaan dengan pihak pemilik tanah, sebab pihak Kementerian telahpun melantik suatu Jawatankuasa Pemandu dan telah menjalankan perundingan dengan Kerajaan Negeri dan pihak Kerajaan Negeri juga telahpun berbincang dengan pihak tuan-tuan tanah. Pada 24hb Ogos ini satu perjumpaan akan diadakan di antara Kerajaan Negeri dengan tuan tanah untuk menentukan samada tanah itu hendak dibeli oleh Kerajaan ataupun pokoknya sahaja ditebang dengan membayar ganti rugi dan apabila Kerajaan Negeri mendapat keputusan daripada tuan-tuan tanah itu, akan diberitahu kepada pihak Kementerian ini, bergantung kepada keputusan inilah maka baru kita boleh menyempurnakan maksud-maksud yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini lambat adakah oleh kerana ganti rugi (compensation) yang diberi kepada orang-orang kampung ini terlampau sedikit. Bagaimana kalau Kerajaan hendak gunakan tanah orang Melayu ini dibelinya pokok kelapa yang ditanam oleh datuk neneknya sudah berpuluh-puluh tahun, beratus-ratus tahun dengan harga \$2.00, \$3.00 atau \$5.00 sebatang. Jadi inilah masanya kalau hendak menolong orang yang miskin ini. Oleh kerana itu barangkali orang Melayu Kelantan pun bukannya bodoh lagi, sudah cerdik, sebab itu dia hendakkan ganti rugi yang lebih banyak. Kementerian yang bertanggungjawab itu banyak mendapat keuntungan, oleh itu boleh atau tidak diberi sedikit kepada poket-poket orang Melayu yang punya tanah itu.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kementerian ini hendak mengambil tanah itu mengikut kehendak Land Acquisition Act yang baru, pada mulanya, tetapi apabila Kerajaan hendak melaksanakan, pihak tuan punya tanah tidak mempersetujuinya kerana mengikut pendapat mereka bayarannya rendah. Akibat inilah maka perundingan selanjutnya

dijalankan dengan pemilik-pemilik tanah itu untuk menimbangkan samada boleh, jika dikehendaki dibeli maka dapat dibayar harga tanah itu dengan harga yang lebih adil atau sesuai dan tidak bertentangan dengan kehendak-kehendak yang terdapat dalam Land Acquisition Act.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hat sebab Kelantan ada hubungan dengan Kuantan, jikalau Kelantan dapat penerangan malam, Kuantan pun dapat sama Adakah Kerajaan bercadang menggunakan kuasa undang-undang yang ada dalam Parlimen ini iaitu undang-undang tanah mustahak yang boleh diambil oleh Kerajaan Adakah Kerajaan bercadang Kementerian Perhubungan sendiri membeli supaya diperbesar Lapanganterbang Kota Bahru menjadi Lapanganterbang International umpamanya dengan diberi harga yang baik.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, inilah yang sedang dikaji dan dipertimbangkan di antara Kementerian Perhubungan ini dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi pada 24hb Ogos, 1976 ini Kerajaan Negeri akan berunding dengan pemilik-pemilik tanah dan bergantung atas keputusan itulah akan diberikan pertimbangan.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa peruntukan telah cukup di bawah Akta Pengambilan Tanah yang disebutkan tadi yang mana Kerajaan Negeri boleh mengambil tanah dan jikalau tuannya tanah itu tidak bersetuju dengan membayar kepada mahkamah dengan tidak menunggu-nunggu sehingga perbicaraan.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Kementerian memang sedar masalah itu boleh dilaksanakan tetapi oleh kerana barangkali timbang rasa di antara pihak Kementerian atau Kerajaan dengan pemilik-pemilik tanah, maka terpaksa suatu kata sepakat didapati terlebih dahulu.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perkara mengenai perkiraan dengan tuannya tanah ini sudah berjalan setahun lebih. Maknanya undang-undang tanah dahulu itu sudah boleh berjalan dan kalau hendak

ayar berapa pun boleh, sehingga datangnya undang-undang tanah yang baru telah diluluskan oleh Parlimen. Perkara itu melibatkan undang-undang yang baru dan terpaksa melambatkan lagi, itulah sebabnya saya beranya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah perkiraan memotong pokok kelapa yang berlaku di Kelantan sehingga bertahun tidak selesai. Adakah berlaku juga di tempat-tempat lain sehingga bertahun-tahun tidak boleh selesai dan tidak tahu bila mahu selesai.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Sepanjang yang berkaitan dengan Kementerian ini tidak ada di tempat lain berlaku selain daripada di Kota Bharu.

### PUSAT LATIHAN PERGURUAN DI PERLIS

**Datuk Mansor bin Mohamad** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah sebuah bangunan tetap Pusat Latihan Perguruan akan dibina di Perlis.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, sementara untuk membina Pusat Latihan Perguruan di Negeri Perlis. Pembinaan Pusat-pusat Latihan Perguruan bergantung kepada kepentingan Latihan perguruan. Sungguhpun penubuhan Pusat Latihan Perguruan boleh menolong pembangunan sesebuah negeri dan boleh dibanggakan, tetapi kita tidak mampu mengadakan pusat latihan untuk tujuan ini sahaja. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan yang banyak telah diadakan bagi negeri Perlis yang mana akan menjadikan Pusat Latihan Guru tidak begitu penting lagi bagi pembangunan Negeri Perlis.

Di samping itu latihan perguruan diadakan di Perlis dengan menggunakan pusat latihan sementara. Jika keperluan latihan ini mendesak, bolehlah perkara bangunan tetap ditimbang.

### USUL

#### RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976-1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan, yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama

Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua;

*Bersetuju* dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara;

*Meluluskan* Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi pelaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 25 tahun 1976.

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka, mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatu-padu, aman damai, saksama, maju dan kukuh, (12hb Ogos, 1976).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat membuat ucapannya seberapa ringkas yang boleh kerana ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambal bahagian dalam perbahasan atas Rancangan Malaysia Ketiga. Hanya tinggal hari ini dan hari Isnin sahaja bagi Ahli-ahli berucap mengenai usul ini. Sekarang, dipersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak.

3.37 ptg.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, menyambung perbahasan pada petang semalam, saya bercadang bercakap seberapa pendek yang boleh.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Pada petang semalam saya telah menyatakan bahawa hakmilik modal Syarikat berhad di Malaysia ini dikuasai oleh pemodal-pemodal luar, iaitu melibatkan 55% ekonomi negara kita dikongkong oleh pemodal-pemodal asing. Bagi rakyat Malaysia kita harus mengetahui kemiskinan mengikut kaum pada tahun atau pada awal Rancangan

Malaysia Kedua sehingga akhir Rancangan Malaysia Kedua kita masih ada ketinggalan dalam kemiskinan mengikut data-data kaum. 73% bumiputra dan Melayu, 17% kaum China, 8% kaum India dan lain-lain kaum 2%, jadi sekarang ini kita menghadapi Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan demikian, tiap-tiap kaum haruslah membantu bumiputra supaya kadar yang berbeza itu dapat diturunkan. Kita tidak mahu dengar lagi suara sumbang atau kebimbangan bumiputra menguasai bukan bumiputra dalam masa mengisi Rancangan Malaysia Ketiga ini. Apabila kadar itu agak saimbang, kita harus menyatupadu tenaga supaya kekayaan negara kita dapat kita nikmat bersama dalam langkah kita bersama.

Dalam usaha kekayaan negara dan pembahagian kekayaan negara yang tidak sama-rata di antara kaum merupakan satu masalah yang berat dari segi keadilan sosial dan kesan-kesan sosial dan politik yang berpunca dari sistem ekonomi yang berdasarkan kepentingan kaum telah menjadi satu ancaman kepada perpaduan negara, dan perpaduan kaum dalam negara kita ini. Dengan sebab itu, Dasar Ekonomi Baru ini dizahirkan, tetapi bolehkah dalam masa yang singkat ini kita mencapai matlamat bumiputra 30% terlibat dalam kegiatan-kegiatan perusahaan dan perdagangan? Andainya kita tidak mendapat sokongan daripada orang yang bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyusun semula masyarakat yang adil, kita haruslah beri keutamaan kepada golongan yang tertinggal mengikut data-data yang disebutkan. Pengaliran berjuta-juta ringgit hendaknya tidak dimonopoli oleh penguasa besar di bandar-bandar sahaja. Usaha membandarkan kawasan di luar bandar, ini boleh menolong melibatkan Melayu dan bumiputra dalam kegiatan ekonomi moden, dan memberi faedah juga kepada kaum-kaum lain kerana proses rancangan ini memberi kesan dalam usaha penyusunan semula masyarakat. Kalau tidak Melayu dan bumiputra akan merasa keciwa kerana janji yang dijanjikan kepada mereka tidak dapat dipenuhi, di samping itu bukan bumiputra pula akan juga dapat keciwa kerana mereka berfikir rancangan ini ditumpukan kepada satu golongan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam masalah musuh negara iaitu komunis dan gerakan anti-nasional dan anasir subversif,

mereka telah menggunakan masaalah sosi-ekonomi di negara yang terdapat sekarang untuk memusnahkan asas-asas bagi membina negara kita, dengan mengugut, memusnahkan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan, membangkitkan huru-hara menghasut hingga kepada paduan rakyat dan ketahanan negara pecah berderai iaitu menghancurkan kemampuan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui lunas-lunas demokrasi dan keadilan sosial yang boleh dilaksanakan oleh sesebuah Kerajaan yang sah dipilih mengikut Perlembagaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, usaha komunis, anti nasional dan golongan-golongan yang lain tidak akan berjaya kalau sekiranya kita men dapat sokongan yang bulat dan padat dari semua kaum. Kita tahu untuk menghapuskan komunis di hutan belantara itu ialah tanggungjawab tentera, akan tetapi membiarkannya menjadikan sebahagian kecil rakyat negeri ini menjadi komunis, itu tanggungan public tanggungan ibu-bapa, tanggungan alat-alat negara.

Dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, tentera dan pasukan keselamatan kita, mereka berkhidmat dengan sepenuh hati mempertahankan kedaulatan negara ini dengan tidak mengira siang dan malam, panas atau hujan, mereka melalui semak atau padang, hutan atau belantara, bukit bukau mereka daki, sungai tasik mereka harungi, tetapi mereka tidak mengharapkan sebarang pujian dan balasan, walaupun mereka gugur satu demi satu. Mereka akan mempertahankan kedaulatan negara kita ini sehingga ke titisan darah yang akhir.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun mereka tidak mengharapkan satu balasan dan pujian tetapi apakah peranan yang patut kita berikan kepada mereka setelah mereka mengabdikan nyawa? Bekas Pasukan Keselamatan mempunyai syarikat kerjasama, Polis juga mempunyai syarikat kerjasama yang besar, tetapi bagi mengongkosnya untuk membuat pakaian tentera yang mereka pakai, kita bagikan kepada golongan yang lain. Kontrek-kontrek yang membekalkan makanan mereka sendiri, kita bagikan kepada golongan lain. Apakah kontrek-kontrek yang seumpama itu tidak patut kita beri kepada syarikat kerjasama bekas Pasukan Keselamatan iaitu untuk menyediakan pakaian, uniform, makanan dan lain-lain. Berikan kepada

rakan mereka daripada bekas Pasukan Keselamatan itu sendiri. Saya fikir ini patut dipertimbangkan, malah kalau boleh sehingga menjadi ejen pembeli kapalterbang, pembeli meriam, alat-alat senjata bagi negara kita melalui syarikat-syarikat bekas Pasukan Keselamatan. Saya rasa Kerajaan kita patut bertindak dengan tegas dalam perkara ini, kerana inilah satu balasan yang patut kita beri kepada mereka yang telah bertanggungjawab, kepada mereka yang telah menggadai jiwa kerana keselamatan negara.

Walau bagaimanapun, satu perkara yang saya patut ingatkan Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, iaitu Rancangan Rukun Tetangga. Saya tidak silu atas kebaikan rancangan itu, tetapi saya mahu Kerajaan berhati-hati supaya Rancangan Rukun Tetangga itu tidak akan menjadi jelang tempat berlindung kepada anasir anti-nasional, berpayung, dan tempat berteduh kepada mereka itu untuk sementara waktu menghilangkan kesan atau jejak mereka. Saya mengingatkan Kerajaan usaha itu sangat baik, tetapi perlu diingat, kadangkala racun bermain di dalam santan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang berjumlah \$18 billion, saya suka secara terus terang bertanya kepada Kerajaan, berapakah daripada peruntukan itu untuk bantuan langsung kepada bumiputra supaya bumiputra boleh hidup mengambil bahagian dalam negara kita? Sebagaimana saya katakan tadi bahawa di negeri Pahang, Kelantan dan Trengganu ialah 95% kawasan miskin. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua maklum bahawa negeri Pahang sendiri segala ladang, segala kilang, segala perusahaan semua dipindahkan ke Pantai Timur. Akan wujudlah di negeri Pahang yang besar dan hutan belantara itu dua masyarakat, iaitu satu masyarakat timur dan satu masyarakat barat, satu Pahang Timur dan satu Pahang Barat. Saya bercakap ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa penuh tanggungjawab, tetapi saya terpaksa menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, komisins menumpu ke negeri yang penuh dengan hutan belantara. Jikalau pembangunan negeri ini sebahagian di sebelah Pahang Barat masih dalam keadaan yang ada sekarang ini dan inilah tempatnya akan menjadi tumpuan kekuatan komisins itu dari semasa ke semasa. Kita akan menghadapi perpindahan penduduk dari Pahang Barat ke Pahang Timur

dan di tempat mudah mendapat kemudahan kilang-kilang. Kita akan mengalami kerugian dalam masa 10 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan patut beringat. Saya juga diberi faham oleh pemimpin negara kita ini, jikalau tidak dapat zaman awak, zaman anak awak akan dapat. Jika tidak dapat zaman anak awak, zaman anak cucu awak akan dapat menikmati ini. Kita hendaknya jangan berbangga sangat dengan kebendaan. Kita hendaklah menenangi jiwa kita. Dan orang yang redha, syukur kepada ketenangan jiwa akan diberkati Allah. Itulah nasihat pemimpin kita kepada saya. Saya akui, dan saya terima nasihat itu. Tetapi masaalah sekarang ini masih kemiskinan. \$18 billion, Tuan Yang di-Pertua, akan dibelanjakan. Mengikut perancangan jalan daripada Gua Musang ke Kuala Lipis yang panjang 52 batu melibatkan kewangan kira-kira \$168 juta, kira-kira \$3 million satu batu. Saya masih tidak percaya. Tetapi ini satu maklumat yang diberi oleh orang yang benar memberi punca-punca ini, yang boleh saya percayai dan boleh dipertanggungjawabkan. Kalau perancangan jalan dari Gua Musang dan Kuala Lipis yang panjang 52 batu memakan belanja \$168 juta maka bermakna perbelanjaan pada tiap-tiap batu \$3 million. Bolehkah ini dipercayai, Tuan Yang di-Pertua? Mengikut pengalaman biasa, setinggi-tinggi perbelanjaan membuka jalan tidak termasuk jambatan ialah kira-kira \$200,000 sebatu. Kalau sekiranya rancangan umpamanya mengikut report yang timbul, tidak terbukalah jalan di Pantai Timur. Dengan sebab alasan bahawasanya mahal, kurang tenaga dan sebagainya; tidakkah ini merugikan pembangunan negara kita. Saya harap Kerajaan akan menyiasat masaalah ini lebih mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut saya kemukakan di dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah dasar hutan negara kita sekarang. Kayu-kayan ialah hasil yang ketiga dalam negara kita. Mengikut perincian atau perkiraan cuma ada 11 buah perkilangan bumiputra yang dijalani dan dimodali oleh bumiputra dalam negara Malaysia Barat ini. Kalau saya bandingkan dengan Negeri Pahang, 96 kilang per kayu ada dalam negeri itu. 91 daripadanya bukan bumiputra; 5 bumiputra. Dalam 5 bumiputra boleh dipertikaikan samada sungguh-sungguh

bumiputra atau tidak. Tetapi yang lima ini, Tuan Yang di-Pertua, juga tidak dapat layanan mengisi Dasar Ekonomi Baru.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, satu kajian perlu dibuat. Dalam kita menghadapi saingan sama-sama perkilangan, kita juga menghadapi persaingan dengan Perbadanan Perkayuan yang besar-besar yang melingkungi kawasan beratus ribu ekar. MARA sendiri, Tuan Yang di-Pertua, membuka kilang projek kayu yang besar dalam negara sekarang ini. Kita boleh tanya, untungkan atau rugi. Jawabnya rugi.

Yang Berhormat Menteri baru melawat ke kawasan itu, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Negeri menguntukkan 300,000 ekar kepada kejayaan rancangan ini, tetapi masih juga rugi. Apa salahnya MARA melepaskan tanggungjawab ini kepada Kerajaan Negeri. Biarlah MARA mengambil bahagian pembangunan yang lain seperti pembukaan perindustrian yang lain, pembukaan rumah yang lain atau mempunyai pimpinan perniagaan yang lain-lain. Nampaknya sekarang ini, Badan Berkanun, Tuan Yang di-Pertua, memberi dan mengambil bahagian daripada sekecil-kecilnya hingga kepada yang sebesar-besarnya. Yang membuat saingan hebat dengan individu bumiputra dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Sehingga menjalankan hotel, Lembaga Kemajuan Negeri juga campur tangan. Apa salahnya perniagaan hotel itu diberi kepada bumiputra atau sesiapa. Bukan dikelolakan oleh badan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap usaha yang macam ini patutlah dikaji oleh Kerajaan. Kita tidak kurang orang, Tuan Yang di-Pertua. Kabinet kita sekarang ini ada 50 orang dan akan bertambah lagi menjadi Menteri.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Di Dewan Rakyat ada 154 ahli—50 ahli yang bertanggungjawab, belum termasuk Ahli Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga, diberi tempoh cuma 20 minit sahaja. Kita akan mencurahkan hati dan isi perut kita, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini akan melibatkan hidup nadi rakyat negara kita sekurang-kurangnya dalam masa 5 tahun sama ada hidup atau tidaknya. Apakah salahnya Kerajaan memberi peluang yang lebih supaya

tiap-tiap rakyat Ahli Dewan ini boleh bercakap dan memberi fikirannya yang benar-benar bagi kemajuan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang hendak bercakap banyak, walaupun saya mempunyai peluang, tetapi saya menghormati, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya mohon kepada masa yang akan datang, Tuan Yang di-Pertua akan menasihati Kerajaan dalam perkara yang macam ini memberi peluang kepada Ahli-ahli Dewan bercakap dengan hati yang terbuka walaupun mengambil masa yang panjang. Kerana perkara ini ialah perkara yang menjadi nadi dan jantung rakyat negara ini, hanya dapat dibahaskan di dalam tempoh yang singkat. Saya menghormati, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini memendekkan ucapan saya.

3.59 ptg.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, di atas usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya suka bercakap dari kaca mata orang Melayu kerana kebetulan saya dilahirkan sebagai orang Melayu. Saya juga suka bercakap daripada sudut swasta kerana secara pilihan saya terlibat, saya berkecimpung di dalam dunia swasta.

Lebih-lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap sebagai rakyat Malaysia biasa, sebagai warganegara biasa yang mengenal kedudukan negara kita pada hari ini. Mengenal bahawa adanya kaum miskin, adanya kedudukan yang tidak seimbang di antara kaya dan miskin. Mengenal adanya pencerobohan terhadap keutuhan negara. Mengenal juga adanya berbagai-bagai faktor yang menghalang kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga menyambung Rancangan Malaysia Kedua dari segi Dasar Ekonomi Barunya. Apa dia Dasar Ekonomi Baru? Barangkali ada yang sudah lupa apa dia Dasar Ekonomi Baru itu! Untuk siapa? Adakah itu untuk satu golongan sahaja? Adakah itu untuk satu lapisan sahaja? Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Dasar Ekonomi Baru ialah untuk semua rakyat baik Melayu, baik China, baik India, baik Eropah asalkan dia rakyat, asalkan dia penduduk di negara kita, ia untuk ke semuanya—samada dia miskin, samada dia kaya, Dasar Ekonomi Baru mengenalinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bernasib baik dan saya rasa saya bertuah kerana semasa Dasar Ekonomi Baru itu ditimbangkan, semasa idea untuk mengadakan Dasar Ekonomi Baru saya dapat berkecimpung sama. Saya rasa ada beberapa sahabat saya dalam Dewan ini yang terlibat dalamnya. Salah seorang daripadanya ialah Yang Berhormat Tan Sri Datuk S. O. K. Ubaidulla sendiri. Semasa kita membahaskan di dalam Dewan ini—tetapi tidak sebagai Dewan Senate, tidak sebagai Dewan Negara—tetapi kita membahaskan semasa Dewan Parlimen digantung. Saya masih ingat, saya duduk di sana, di tempat Yang Berhormat Datuk Lee Loy Seng, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang ini, Datuk Hussein duduk di tempat saudara saya Yang Berhormat Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah. Salah satu perbahasan ataupun ucapan yang saya tidak boleh lupa ialah perbahasan ataupun ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein sendiri pada masa itu iaitu di waktu apa yang dikatakan “Majlis Perundingan Negara” selepas sahaja peristiwa Mei 1969 di mana Parlimen digantung yang mana kita tidak tahu ke arah mana negara kita akan akhirnya terjadi. Dengan kebijaksanaan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, Majlis Perundingan Negara diadakan, yang mana dijemputnya tokoh-tokoh politik termasuk tokoh politik yang datang daripada Pembangkang; kalau tidak salah saya ada satu sahaja parti Pembangkang yang tidak menerima undangan itu, tetapi parti-parti Pembangkang yang lain-lain sanggup menduduki majlis itu. Dan di Majlis itulah, di dalam perbahasan Majlis itulah, maka timbulnya kesedaran bahawa perlulah negara ini jika kita hendak mendapat kejayaan dan kemakmuran, maka perlulah diadakan satu dasar ekonomi baru. Inilah sebab saya timbulkan sekali lagi kerana ada orang telah lupa apa dia Dasar Ekonomi Baru itu. Adakah dia hanya untuk orang Melayu sahaja? Tidak, Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru ini seperti saya telah jelaskan tadi dan seperti juga yang termaktub di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini ialah untuk semua rakyat, baik Melayu, baik China, baik India, baik Eropah, baik sebarang apa sekali pun. Dan adalah menjadi tugas kita menjayakan Dasar Ekonomi Baru ini.

Rancangan Malaysia Ketiga ini menyambung apa yang telah dijalankan di dalam

Rancangan Malaysia Kedua. Dan saya kalau hendak mengulas beberapa bab di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini mungkin dua tiga hari tidak habis, tetapi saya patuh kepada arahan Tuan Yang di-Pertua cuba meringkaskan, dan oleh itu saya tidak akan menyentuh banyak perkara, cuma beberapa perkara sahaja yang saya rasa patut memandangkan masa yang diberikan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, Pelaburan yang dijangkakan dibuat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini ialah sebanyak \$44.2 billion, ini termasuk pelaburan daripada sektor awam dan juga pelaburan daripada sektor swasta. Kalau kita bandingkan pelaburan yang dibuat di bawah Rancangan Malaysia Kedua, kita nampak bahawa pelaburan yang dibuat oleh pihak awam di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah kurang daripada yang diharapkan yang dibuat oleh pihak swasta. Angka yang telah ditetapkan di bawah sektor awam ialah \$17.4 billion. Kalau termasuk perbelanjaan terhadap perlibatan Kerajaan di dalam sektor swasta, maka jumlahnya yang terpaksa dilaburkan oleh pihak awam meningkat kepada \$18.6 ribu juta berbanding dengan pihak swasta sebanyak \$26.8 billion ataupun \$26.8 ribu juta. Ini bezanya besar. Pihak swasta dianggarkan melabur sebanyak 60% berbanding dengan pihak awam yang kini hanya 40%. Di sini kita nampak betapa pentingnya pandangan Kerajaan terhadap pihak swasta. Sekian lama ini kita sangkakan pelaburan itu boleh dijalankan oleh pihak awam sahaja, tetapi kalau kita hendak menjayakan negara kita seperti yang kita cita-citakan tak boleh tidak kita terpaksa memandang kepada pihak swasta. Siapa dia swasta? Swasta termasuklah orang-orang yang menceburkan dirinya dalam dunia perniagaan dan perusahaan, samada dia datang daripada luar negeri ataupun samada mereka berada di dalam negeri, inilah golongan-golongan yang kita maksudkan di bawah swasta. Jangan perkecilkan sumbangan swasta—sumbangan yang pihak swasta boleh buat untuk menjayakan negara kita.

Saya berbanyak terima kasih kepada Kerajaan kerana sebelum Kerajaan menggubalkan Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan telah menjemput wakil swasta duduk berbilang sama di dalam apa digelar Jawatan-kuasa Perundingan Sektor Swasta, yang mana

pihak swasta memberi buah fikirannya bagaimana kita boleh mencapai matlamat yang ditujukan, terutama sekali matlamat yang diharapkan daripada sektor swasta. Begitu juga semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan Rancangan Malaysia Ketiga ini di Dewan Rakyat dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengemukakan rancangan tersebut di Dewan yang mulia ini, kedua-duanya telah memberi akuan bahawa mereka akan mendengar pandangan-pandangan yang akan dikemukakan oleh pihak swasta. Ini saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan saya bercakap bagi pihak swasta.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga telah bersetuju mengadakan beberapa Jawatankuasa untuk mendekatkan lagi pihak Kerajaan dengan pihak swasta supaya apa jua masalah yang timbul atau yang akan timbul akibat dengan penglibatan swasta maka masalah itu bolehlah diselesaikan. Ini sangat perlu, kerana kalau kita hendak menarik pelaburan ke dalam negara kita ini perlulah kita mengekalkan suasana yang elok, suasana yang harmoni, suasana yang menarik bagi pelabur-pelabur daripada luar terutamanya untuk melaburkan di dalam negeri ini dan begitu juga kita terpaksa memberi kesempatan kepada pelabur-pelabur yang datang dalam negeri sendiri supaya apa yang dilaburkan di dalam perkembangan ekonomi negara tidak disia-siakan oleh Kerajaan. Perasaan saling mengerti di antara Kerajaan dan pihak swasta ini sangat penting kalaulah kita hendak menjayakan matlamat yang dicita-citakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sekiranya pihak swasta berpendapat negatif dan tidak menyokong Kerajaan, sudah tentu kita tidak boleh mencapai hasrat Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya minta kepada Kerajaan dan saya bercakap sebagai seorang swasta, sekiranya apa juga undang-undang yang Kerajaan hendak luluskan yang melibatkan pihak swasta, mintalah terlebih dahulu berunding dengan pihak swasta supaya tidak akhirnya undang-undang itu didapati tidak boleh berjalan. Kita sedar beberapa kali di dalam Dewan ini yang mana kita telah meluluskan sesuatu undang-undang sungguhpun itu untuk kebaikan negara dari kaca mata Kerajaan, tetapi bila hendak dilaksanakan tidak dapat,

oleh kerana kita tidak dapat sokongan daripada pihak swasta. Saya rasa kalau Kerajaan dapat mengekalkan persefahaman yang telah tercapai setakat ini yang mana perhubungan baik di antara Kerajaan dan pihak swasta itu ada terutamanya di peringkat Kementerian dan Jabatan-jabatan tertentu, maka saya rasa matlamat yang kita hendak capaikan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini, insya Allah dapat dicapai.

Perkara besar berkenaan dengan menjayakan Dasar Ekonomi Baru, Tuan Yang di-Pertua, ialah perlaksanaan. Ramai sahabat-sahabat saya di Dewan ini dan juga saya rasa orang-orang luar daripada Dewan ini telah mengatakan yang penting sekali bukannya dasar. Dasar itu semua pihak boleh terima, tetapi yang pentingnya ialah bagaimanakah kita hendak melaksanakan dasar itu. Pada kebasaannya pihak swasta dan orang-orang awam biasa mengikut apa yang ditetapkan oleh Kerajaan tetapi Kerajaan sendiri mesti mengetahui ke arah manakah Kerajaan hendak berjalan. Saya ingat semasa kita membahaskan Rancangan Malaysia Kedua dahulu di Dewan yang mulia ini, saya telah mengatakan bahawa perlulah Jabatan Perdana Menteri mempunyai satu alat mengesan samada rancangan-rancangan yang ditujukan itu betul-betul mendapat kejayaan. Saya telah menegaskan bahawa perlunya Perdana Menteri sendiri mengetahui samada rancangan-rancangan yang dimaksudkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dahulu betul-betul berjalan dengan tidak ada penyelewengan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengesan? Saya bertanya pada masa itu. Dan saya telah mengesyorkan supaya Jabatan Perdana Menteri khususnya jabatan yang digelar Jabatan Perlaksanaan, Koordinasi dan Penyelarasan patutlah diadakan ataupun dilengkapi dengan alat komputer supaya Perdana Menteri dapat mengetahui dengan serta-merta apakah projek-projek yang berjalan dan apakah projek-projek yang tidak berjalan. Dengan itu beliau boleh membuat keputusan secara begitu sahaja, tetapi kalau kita mengikut hanya dengan laporan-laporan, ataupun taklimat-taklimat, Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu bahawa laporan-laporan dan taklimat-taklimat itu tidak semestinya tepat. Oleh yang demikian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai decision maker yang utama tidak boleh membuat keputusan yang bijak. Pada tahun 1971 saya sendiri telah

mengesyorkan patutlah Jabatan Perdana Menteri mempunyai alat semacam itu. Sekarang kita sudah melangkah ke satu lagi Rancangan Lima Tahun iaitu Rancangan Malaysia Ketiga. Saya bersyukur nampaknya ada peruntukan dibuat di dalam rancangan ini yang mana Kerajaan akan mengadakan satu sistem Data Paduan Negara (NIDAS) bagi mengesan sedikit-sebanyak pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.

Saya hairan kenapa Kerajaan tidak boleh mengadakan dengan sendirinya dan terpaksa pula menjalankan perkara ini dengan Universiti Sains di Pulau Pinang. Adakah ini membuktikan yang Kerajaan tidak mampu? Adakah ini membuktikan Kerajaan tidak mempunyai kakitangan yang cukup? Saya berasa hairan juga. Perkara ini patutlah di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri dengan tidak dicampuri oleh pihak-pihak yang lain seperti universiti. Saya tidak mengatakan yang pihak universiti tidak boleh membantu—tidak, tetapi saya rasa perkara semacam ini patutlah dijalankan di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri dengan tidak ada campur tangan, dengan tidak perkara-perkara yang tertentu diketahui oleh orang luar daripada Jabatan Perdana Menteri. Saya harap pihak Kerajaan mengambil pandangan apa yang saya syorkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhan-nya saya memandang bahawa Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah lengkap. Ia telah memandang dari beberapa segi iaitu dari segi orang-orang miskin dengan tidak mengira kaum, dari segi orang-orang bandar juga tanpa mengira kaum dan keturunan, telah juga mengkaji betapa pentingnya keselamatan dalam negeri diperkukuhkan. Kalau tidak dengan adanya keselamatan maka sudah tentu semua rancangan ini akan gagal. Rancangan itu juga telah mengkaji kedudukan negeri-negeri yang setakat ini boleh dikatakan tidak begitu maju kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain di dalam Malaysia ini.

Kalau saya hendak menyentuh kesemua sudah tentu ianya akan memakan masa dan saya rasa saya akan bercakap berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketiga ini sampailah pada tahun 1980 mungkin tidak di dalam Dewan ini sahaja tetapi di forum-forum yang lain. Jadi, untuk menjimatkan masa, saya hanya hendak menyentuh satu

sahaja perkara iaitu berkenaan dengan kedudukan orang Melayu seperti yang dicita-citakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Ini bukan bermakna yang saya memperkecilkan bangsa-bangsa lain, tidak sekali. Daripada awal tadi saya telah mengatakan bahawa saya kenal masalah yang dihadapi oleh setiap warganegara kita di Malaysia ini. Tetapi saya suka memandangkan masa yang singkat ini memberi pandangan daripada kaca mata orang Melayu kerana ini ada hubungan secara langsung dengan kejayaan Dasar Ekonomi Baru. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua, sedar, salah satu sektor yang dinamik ialah sektor syarikat-syarikat, apa yang digelar corporate sector kerana sektor inilah yang mempercepatkan, mengadakan pekerjaan, menambahkan modal, mengadakan peluang-peluang pekerjaan, mengurangkan kemiskinan. Inilah sektor yang dinamik sekali yang boleh mempercepatkan itu. Oleh yang semikian, saya mahu sentuh sektor ini. Bagaimanakah kedudukan orang Melayu di dalam sektor ini setakat ini?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Jadual 4-16 dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini kita nampak kedudukan yang sebenarnya dan kedudukan yang kita cita-citakan. Bagaimanakah kedudukan orang Melayu pada tahun 1970 di dalam hak milik modal saham dalam syarikat-syarikat berhad? Kita lihat orang-orang Melayu perseorangan pada tahun 1970 memiliki hanya sebanyak 1.6% sahaja daripada hak milik modal saham. Betul kalau kita pandang kepada hak milik modal saham yang dipunyai oleh orang-orang Melayu dan syarikat-syarikat kepentingan Melayu, angka itu lebih, tetapi pada tahun 1970 tidaklah begitu banyak, hanya jumlahnya sebanyak 2.4% sahaja. Tahun 1975 (ini angka anggaran bukannya angka sebenar) orang-orang Melayu dan syarikat kepentingan Melayu ialah 7.8% tetapi berapakah yang boleh kita katakan hak milik orang-orang Melayu sendiri? Hanya sebanyak 2.3%. 2.3% sahaja yang boleh kita kata betul-betul bahawa inilah hak milik saham orang-orang Melayu.

Bagaimana pula pada akhir tahun 1980, pada akhir Rancangan Malaysia Ketiga ini yang boleh kita katakan hak milik orang Melayu betul-betul. Mengikut rancangan ini ialah sebanyak \$695.4 juta iaitu kalau kita

bandingkan mengikut peratusnya hanya sebanyak 3.4% sahaja. Inilah yang dikatakan pada tahun 1980 hak milik orang-orang Melayu.

Pada tahun 1990 akhirnya rancangan jangka panjang kita, berapakah yang boleh dikatakan sebenar-benarnya kepunyaan orang Melayu? Ada di dalam buku ini, hanya sebanyak 7.4% sahaja. 7.4% pada tahun 1990. Saya sendiri tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, samada saya masih ada lagi pada masa itu atau tiada. Saya tidak hendak dugakan bagaimana kedudukan negara kita pada masa itu. Kalau rakyat Malaysia pada masa itu tidak memikirkan dirinya sebagai Melayu, China, India, Eropah dan sebagainya, itu tidak menjadi persoalan lagi. Tetapi selagi rakyat kita merasa yang mereka ini keturunan Melayu ataupun keturunan China, ataupun keturunan India, maka masalah ini akan menjadi rumit. Jadi, apa yang dikatakan oleh Kerajaan pada tahun 1990 itu orang-orang Melayu akan mempunyai 30%. Apa yang sebenar dimaksudkan oleh Kerajaan ialah bakinya iaitu 24.3% pada tahun 1990 ini akan dimiliki oleh syarikat-syarikat yang digelar Syarikat kepentingan Melayu. Apa dia syarikat yang dikatakan kepentingan Melayu ini? Inilah yang diheboh-hebuh, seperti UDA, MARA, PERNAS, Perbadanan Kemajuan Negeri. Inilah yang kononnya dipegang sebagai amanah untuk orang Melayu sehingga tahun 1990. Jadi, mereka itu memegang sebanyak 24.3% dan saya suka bertanya di waktu ini dan bukannya di tahun 1990, bolehkah kita betul-betul mengatakan bahawa apa yang dipegang oleh PERNAS umpamanya atau Bank Bumiputra sekalipun, adakah itu kepunyaan orang Melayu. Saya tidak boleh mengatakan ini sebenarnya dipegang oleh orang Melayu; sebenarnya ini duit rakyat Malaysia dipegang sebagai amanah dan diharap pada tahun 1990 orang-orang Melayu boleh membeli balik daripada Kerajaan ataupun daripada PERNAS ataupun daripada badan mana sekalipun yang memegang sebagai amanah. Dapatlah orang Melayu mencari wang sebanyak pada masa itu 22.6% atau \$18.09 billion? Dapatkah orang Melayu mencari wang untuk menebusi supaya mereka boleh berbangga mengatakan: ini dia hak Melayu. Kerajaan sendiri tidak dapat memberi jawapannya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Saya sudah baca buku ini, cuba mencari dimanakah, apakah caranya bagi Kerajaan hendak mengatasinya. Saya tidak nampak dan saya percaya Kerajaan sendiri tidak nampak setakat ini bagaimana hendak mengatasinya. Cuma ada satu perenggan sahaja iaitu perenggan 259, kalau tidak salah saya yang mana Kerajaan mengatakan buat sementara waktu Kerajaan akan meletakkan \$200 juta sahaja ke dalam tabung yang digelar Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputra. \$200 juta sahaja dan itu pun wang Kerajaan bukannya untuk orang Melayu—tidak, untuk Kerajaan, untuk rakyat Malaysia kesemuanya. Kalaulah takdirnya pada tahun 1990, Kerajaan sudah berpindah, bertukar fikiran, mengatakan apa yang setakat ini dipegang atas nama orang Melayu, sekarang ini tidak lagi dipegang atas nama orang Melayu, tetapi atas nama rakyat Malaysia semuanya, betapa kucar-kacirnya negara, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu perkara yang patut dipandang oleh kesemua: baik Melayu, baik China, baik India, baik Eropah, baik sesiapa pun yang mencintai negara kita ini. Ini satu perkara yang amat serious. Setakat ini kita mengatakan tak apalah, biar Bank Bumiputra pegang dahulu, bila ada orang Melayu yang mampu, kita jual saham kepada mereka; biarkan PERNAS pegangan dahulu, kalau ada orang Melayu hendak beli, kita jualkan kepadanya. Tetapi langkah-langkah untuk membolehkan orang Melayu tulin membeli saham-saham itu kemudian hari, itu belum disediakan. Ini tanggungjawab kita bersama; tanggungjawab setiap rakyat, setiap penduduk, tak kira bangsa untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru. Dan kalau kita percaya bahawa kita perlu bertolak ansur, kita mengenali ada kaum-kaum yang dhaif, kaum-kaum yang susah dan kaum-kaum yang senang sedikit terpaksa bertolak ansur, maka perlu kita berbuat demikian sekarang. Kalau tidak, saya tak tahu apa akibatnya pada tahun 1990, bila akhirnya rancangan jangka panjang yang mana kita bercita-cita yang orang Melayu mempunyai 30%.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengemukakan perkara ini dengan tidak memberi cadangan untuk mengatasi masalah ini. Saya sedar seperti saya kata pada awal tadi bahawa Kerajaan hanya mengadakan satu peruntukan di bawah perenggan 259 bagi mengatasi masalah ini. Tidak berapa hari dahulu di Dewan Rakyat, Yang

Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah mengatakan setakat ini lebih kurang \$106 juta saham-saham yang belum lagi diambil atau dibeli oleh orang-orang Melayu. Ini masih terlantar dan terbiar lagi di Kementerian. Saya rasa dengan \$200 juta duit permulaan yang disediakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini, itu sahaja telah menghausi, dan betapakah dan apakah caranya untuk mengatasi di antara sekarang hingga akhir 1980? Pada akhir tahun 1980 orang-orang Melayu dan kepentingan Melayu termasuk Bank Bumiputra, Bank Pembangunan, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, apa juga syarikat yang dianggap sebagai syarikat amanah, adalah dianggar melaburkan sebanyak \$3.2 billion, (\$3,284.3 juta)—dimanakah datangnya duit ini nanti? Kalau kita tengok peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini sebagai wang yang hendak dilaburkan untuk membeli saham, Kerajaan hanya menyediakan kalau tidak salah saya \$1.2 billion sahaja. Yang bakinya diharapkan datang daripada orang Melayu perseorangan untuk membelinya, dan kalaulah kita mengikut cara-cara yang ada sekarang ini, saya kuatir kita tidak boleh mencapai matlamat ini. Kerajaan mengharap orang Melayu di bawah perenggan 259 tadi menyimpan banyak-banyak di dalam tabung katanya. Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak disimpan dalam tabung, kalau tak ada benda yang hendak disimpan? Kita tahu kedudukan orang Melayu sekarang ini. Kalau hendak menyimpan \$20.00 sebulan sekalipun, kepada mereka yang berpendapatan \$200 ke bawah, sukar sekali. Seruan ini kalau kita tidak teliti dengan halus adalah seruan kosong sahaja. Saya bersetuju sebagai seorang banker tentulah saya suka orang simpan banyak-banyak, tetapi saya tak tahu datang dari manakah, dimanakah datangnya simpanan yang dibuat oleh orang-orang Melayu khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada menyatakan bahawa saya tidak mahu hanya mengemukakan masalah sahaja dengan tidak membawa cadangan bagaimana hendak mengatasi masalah membanyakkan lagi kumpulan duit orang Melayu yang betul-betul boleh dikatakan duit orang Melayu. Sebenarnya, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia telahpun memikirkan perkara ini dan telah membincangkan dengan panjang lebar, dengan sehalus-halus-

nya, bagaimana orang-orang Melayu sendiri boleh cuba mengatasi masalah yang dihadapi ini dan keputusan yang diterima ataupun yang disyorkan itu sudah tentu melibatkan Kerajaan, melibatkan orang-orang bukan Melayu, melibatkan negara umumnya. Saya hendak menghuraikan di sini bagaimana masalah ini boleh diatasi. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak memenuhi tabung seperti yang diharapkan di bawah perenggan 259 tadi, iaitu kumpulan pelaburan wang bumiputra, sudah tentu kita mesti memberikan galakan ataupun insentif kepada mereka yang simpan dalam tabung itu. Apakah dia galakan yang dimaksudkan dan yang telah dibincangkan oleh Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia? Ialah apa juga simpanan yang dibuat oleh orang Melayu ke dalam Tabung itu, maka simpanan itu dipohonkan supaya dilepaskan daripada cukai pendapatan buat beberapa waktu yang tertentu sahaja. Itulah kesimpulan yang dibuat oleh Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia. Saya suka menjelaskan supaya Tuan Yang di-Pertua boleh mengerti bagaimana dan apakah akan jadi kepada syor yang dibuat ini pada akhir tahun 1980 dan tahun 1990 dan apakah pula kesan-kesannya kepada rakyat Malaysia yang lain yang bukan Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian dan kajian ini boleh dibuat oleh sesiapa sekali pun, samada Kerajaan, pihak-pihak universiti dan saya percaya pihak Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu bersedia bertemu muka dengan sesiapa pun untuk menjelaskan pendiriannya, kenapa yang mereka memandang betapa perlunya syor-syor yang dikemukakan itu patut diterima oleh semua rakyat. Mengikut angka-angka yang ada ini berdasarkan daripada berapa ramai orang Melayu, berapa ramai orang Melayu yang bekerja, berapa ramai orang Melayu yang membayar cukai pendapatan. Angka-angka ini telah didapati daripada kajian Rancangan Malaysia Kedua.

Saya nampak angka-angka yang sama itu tidak tertera dalam Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi saya telah mengambil angka itu daripada Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua yang telah diubahsuaikan perkara ini.

Kita dapati orang-orang Melayu yang mendapat pendapatan kurang daripada \$99 sebulan pada akhir tahun 1975 ialah lebih

kurang 29.0% daripada jumlah gunatenaga semua kaum iaitu kalau mengikut angkanya ialah lebih kurang sebanyak 706,000 orang. Kalau yang bekerja dikalangan orang Melayu sahaja ialah hanya 40.4% yang mendapat pendapatan antara \$100 dengan \$199 ialah sebanyak 589,000 orang, iaitu lebih kurang 37.7%. Di antara \$200 dengan \$399 sebanyak 230,213 orang. Yang dapat di antara \$400 hingga \$699 iaitu hanya 3% sahaja daripada gunatenaga semuanya ialah sebanyak 92,000 orang lebih kurang. Dan mereka yang berpendapatan diantara \$700 hingga \$1,499 sebulan ialah sebanyak 33,000 orang iaitu 1.1%, daripada kalangan jumlah gunatenaga semua kaum. Yang mendapat pendapatan diantara \$1,500 hingga \$2,999 ataupun \$3,000 ialah sebanyak lebih kurang 7,000 orang iaitu hanya 0.2% daripada semua jumlah gunatenaga semua kaum. Bagi mereka yang dapat pendapatan \$3,000 ke atas kalau mengikut Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua angka itu terlampau kecil dan tidak pun disebut. Itulah kedudukan orang Melayu yang mempunyai atau yang mendapat pendapatan dan kalau kita jumlahkan angka-angka orang Melayu pada akhir tahun 1975 yang boleh dikatakan mendapat pendapatan diantara \$1,000 sampai kepada lebih kurang \$3,000 ialah seramai 1.7 juta orang. Mereka ini sebenarnya boleh membayar cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, kajian juga telah dibuat kalaulah orang Melayu yang saya sebutkan tadi yang membayar cukai, jikalau apa juga pelaburan atau simpanan yang dibuat kepada kumpulan pelaburan wang Bumiputra tadi dan simpanan atau pelaburan mereka itu dilepaskan dari cukai kita dapati angka ini sangat menggalakkan. Kalaulah mereka yang mempunyai purata pendapatan \$300 sebulan dan mereka menyimpan sebanyak 10% sahaja daripada itu, maka setahun mereka boleh menyimpan \$360 dan, katakanlah, mereka yang mendapat pendapatan \$500 yang sebanyak 93,000 orang yang saya sebut awal tadi dan mereka ini menyimpan 15% daripada pendapatan mereka itu kepada Tabung ini dan orang yang mempunyai pendapatan \$1,000 mereka menyimpan 20%, kerana lebih tinggi mereka simpan lebih banyak galakan atau incentive kepada mereka dan orang yang mendapat pendapatan \$2,000 sebanyak 7,000 orang itu menyimpan 25% dan orang yang mempunyai pendapatan \$3,000 dan ke atas

menyimpan 30%, kalaulah 30% daripada ke semuanya menyimpan, kita boleh mengumpulkan sebanyak \$1.25 juta setahun dan kalau 50% daripada orang Melayu menyimpan kita boleh mengumpulkan \$170 juta dan kalau 70% kita boleh mengumpulkan \$239.1 juta setahun. Saya rasa tidak mungkin kita boleh meminta 100% orang Melayu menyimpan. Tetapi kalaulah kita dapat meminta sekurang-kurangnya 70% orang Melayu menyimpan dengan galakan yang diberi ini tadi kita dapati kita boleh mengumpulkan setahun sebanyak \$239 juta. Dan apakah jadinya pada akhir tahun 1980? Mengikut kajian yang dibuat oleh Dewan pada akhir tahun 1977 kalau ini diterima simpanan seperti saya katakan tadi boleh sampai sebanyak \$239 juta. Dan kalaulah katakan orang yang menyimpan ke dalam Tabung dia tidaklah hendak menyimpan kalau tidak ada incentive. Incentive selain daripada pelepasan cukai kita juga beri, katakanlah, 10% sekurang-kurangnya iaitu sebanyak \$23.9 juta dan katakanlah juga selepas dividen yang diterima tadi mereka melabur setengah daripadanya, kita boleh dapat sebanyak \$12 juta, jadi angka yang terkumpul pada akhir tahun 1977 boleh mencapai sebanyak \$251 juta. Ini ditaksirkan 70% daripada orang yang berpendapatan tadi akan menyimpan. Kalau angka itu 50% sudah tentu angka ini turun. Tetapi saya bercakap ini dengan andaian yang 70% daripada orang Melayu ini akan menyimpan. Jadi, apa pula kedudukan pada tahun 1978 dengan kenaikan 10% kita andaikan. Pada akhir tahun 1978 jumlah yang boleh terkumpul ialah sebanyak \$539.6 juta.

Pada tahun 1979, \$870.8 juta dan pada tahun 1980 sebanyak \$1.2 billion atau \$1,248.9 juta. Angka ini iaitu pada tahun 1980, ialah angka dua kali lebih daripada angka yang diharapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga seperti yang tertera di bawah JADUAL 4-16 yang saya sebut awal tadi iaitu kita duga bahawa orang-orang Melayu perseorangan boleh menyimpan sebanyak \$695.4 juta bagi akhir tahun 1980, tetapi cara hendak mengumpul itu belum diterangkan lagi. Cara yang saya mengesyorkan ini kalau diterima oleh Kerajaan maka kumpulan wang orang Melayu yang betul-betul boleh dikatakan hak orang Melayu; betul-betul kepunyaan orang Melayu. Maka boleh kita kumpulkan sebanyak \$1.2 billion

pada akhir tahun Rancangan Malaysia Ketiga. Dan kalau kita panjangkan pada tahun 1990 ini boleh menjamin bahawa hak orang Melayu yang betul-betul boleh dikatakan kepunyaan orang Melayu, maka angka yang dicita-citakan di bawah rancangan jangka panjang itu, insya Allah, boleh dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula rancangan yang disyorkan ini dari segi pandangan Kerajaan dan dari segi pandangan orang luar ataupun orang-orang bukan Melayu? Adakah rancangan semacam ini bertentangan dengan undang-undang? Saya sebagai bekas seorang Peguam mula-mula sekali sedar bahawa apa juga perbuatan yang Kerajaan mesti buat mestilah tidak bertentangan dengan undang-undang terutamanya bertentangan dengan Perlembagaan. Saya yang lebih sedar sekali. Namun demikian, saya kemukakan perkara ini. Adakah perkara yang saya syorkan ini bertentangan dengan Perlembagaan? Kalau saya boleh sebutkan sedikit Perkara 8 Fasal I Perlembagaan yang bertajuk "samarata" mengatakan: "semua orang adalah samarata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang samarata di sisi undang-undang." Saya sedar peruntukan yang di bawah Perlembagaan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau Tuan Yang di-Pertua sedar maksud saya semasa saya menyoal Timbalan Menteri tadi, barangkali Tuan Yang di-Pertua sedar bahawa sungguhpun peruntukan di bawah Perkara 8 mengatakan semuanya orang samarata, tetapi ada perkara-perkara tertentu yang boleh dikecualikan. Kita tahu kita di dunia ini tidak semuanya samarata. Ada orang yang lebih sama daripada kita (some are more equal than others). Kita sedar ada perkara-perkara yang boleh dikecualikan. Undang-undang Cukai Pendapatan sendiri-pun, Akta cukai Pendapatan tahun 1967 sendiripun, ada membuat perbezaan. Ada orang yang boleh dikecualikan daripada membayar cukai. Kita dengar Timbalan Menteri tadi menjawab kepada soalan yang saya tanya. Di bawah Akta Kemajuan Perumahan, beliau mengatakan, kalau tak salah saya di bawah Seksyen 6 (2) disebutkan tadi, Menteri boleh mengecualikan, undang-undang boleh dilonggarkan. Itu menunjukkan peruntukan sudah dan sedang pun ada yang mana perbezaan boleh diadakan. Akta Galakan Pelaburan (Investment Incentive Act) 1968 yang

mana kita memberi pengecualian cukai kepada swasta-swasta yang melaburkan modal di dalam negeri kita ini dalam jangka masa yang tertentu. Itu sudah pun dilaksanakan, itu juga beza-membeza. Jadi, pada saya kalau Kerajaan hendak membezakan orang Melayu seperti yang dimohon di sini, saya rasa itu tidak bertentangan dengan semangat Perlembagaan kita. Perkara 153 yang semua orang sedia maklum perkara itu bertujuan hendak menolong orang Melayu, memberi keistimewaan kepada orang Melayu, itu juga beza-membeza. Tetapi kita terima, kita terima spiritnya, kita terima semangatnya, dan sedang pun dilaksanakan. Jadi kalau kita berdialeh mengatakan apa yang dipohonkan itu bertentangan dengan Perlembagaan, bertentangan dengan undang-undang yang ada, saya rasa alasan yang diberi itu tidak munasabah kerana undang-undang yang sedia ada pun sudah banyak yang beza-membeza diantara seseorang dengan yang lain. Dan saya harap pihak Kerajaan sendiri boleh menghalusi perkara ini, tetapi kalau kita menyedari bahawa ini adalah satu perkara yang penting, perkara yang mana kita hendak mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dan terpaksa kita melonggarkan undang-undang, terpaksa kita mengecualikan sebahagian daripada undang-undang untuk kebaikan kesemuanya, maka Kerajaan patut berani berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bertanya bagaimana pula pendapatan pelabur-pelabur ataupun pihak-pihak swasta ataupun orang-orang perseorangan yang bukan Melayu terhadap perkara ini? Saya sedar perkara ini boleh ditanya. Orang-orang swasta yang bukan Melayu, apabila mereka hendak mengadakan perusahaan, mereka terpaksa mengikut peraturan yang ada sekarang ini mencari sekurang-kurangnya 30% modal Melayu. Kita telah dengar setakat ini modal-modal Melayu itu susah sekali hendak didapati. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menyatakan di Dewan Rakyat bahawa setakat ini sahaja sebanyak \$106 juta saham-saham orang Melayu yang belum lagi diambil di antara sekarang sehingga 1980. Begitu banyak lagi yang kita harapkan betapa pesatnya lagi modal-modal yang kita harap pelabur-pelabur akan melabur, itu terpaksa dicari dan sudah tentu 30% daripadanya mesti datang daripada orang Melayu. Di manakah orang Melayu hendak cari wang untuk memenuhi ini? Tetapi kalau

adanya peruntukan seperti yang saya mintakan tadi yang mana Tabung Pelaburan Kumpulan Wang Bumiputra tadi boleh mengadakan itu, mereka boleh buat permulaannya mengambil secara collective 30% yang dihadkan ataupun yang disediakan untuk saham-saham orang Melayu. Jadi bagi mereka, mereka juga akan menganggapkan ini satu perkara yang baik yang boleh menolong mereka menjalankan perusahaan mereka. Kalau tidak mengikut peraturan yang ada ini selagi mereka tidak dapat 30% saham orang Melayu, sudah tentu projek-projek mereka akan terbuntu ataupun tergendala. Bagaimana pula pandangan yang mungkin timbul bahawa pelepasan cukai ini ialah hanya untuk golongan orang yang berada sahaja dan bukan untuk orang yang berpendapatan yang rendah.

Saya sedar, ini soalan yang besar. Ada orang yang mengatakan kalau Kerajaan berikan pelepasan ini, ini sudah tentu menolong orang yang berpendapatan lebih kerana mereka boleh berselindung di bawah pelepasan cukai. Betul, saya tidak nafikan yang soalan semacam itu mungkin timbul. Tetapi, kita mesti sedar orang yang kita harap akan melaburkan di dalam syarikat mestilah terlebih dahulu orang yang berada. Maknanya, selepas daripada apa juga tanggungannya wang yang berlebihan itu sahaja yang boleh dilaburkan. Kita tidak mengharap orang miskin pergi meminjam untuk melaburkan. Itu satu amalan yang agak saya bodoh kerana kalau kita berbuat demikian, kita menyuruh orang miskin meminjam dan sudah tentu akhirnya dia juga akan mendapat susah. Jadi, bagi mereka yang tidak berada sudah tentu soalan semacam ini tidak timbul, iaitu mereka tidak akan mampu hendak melabur ke dalam apa-apa juga perusahaan yang memerlukan modal. Jadi yang perlunya ialah kepada mereka yang berada. Kerajaan menghadapi dua masalah serentak, satu masalah orang Melayu dan satu lagi masalah orang miskin dengan orang kaya. Kedua-duanya memerlukan penyelesaian. Samada Kerajaan boleh memberi satu jawapan yang ia boleh menyelesaikan dua masalah itu serentak, saya tidak tahu. Saya tidak nampak langsung di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Tetapi sekurang-kurangnya kalau kita boleh mengatasi satu masalah iaitu masalah orang Melayu, maka Kerajaan boleh menumpukan

perhatiannya terhadap menyelesaikan masalah di antara kaum yang berada dengan kaum yang tidak berada.

Tuan Yang di-Pertua, inilah syor yang saya harap Kerajaan mengambil pandangan yang berat, meneliti dengan halus-halus, dan saya bersedia bila-bila masa sekalipun bertemu muka, berbincang samada dengan Kerajaan dengan professor-professor, dengan siapa sekalipun untuk membuktikan betapa perlunya modal orang Melayu yang betul-betul boleh dikatakan hakmilik kepunyaan orang Melayu sendiri dapat diadakan pada tahun 1980 dan akhirnya pada tahun 1990. Kalau kita berbuat demikian, seperti angka-angka yang tertera dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, saya tidak tahulah apa akan terjadi pada tahun 1990. Orang Melayu pada masa itu akan terasa mereka telah tertipu dan kalau perasaan begitu berlaku sudah tentu kita tidak boleh mengekalkan keamanan. Oleh yang demikian, saya minta sekali lagi kepada semua rakyat Malaysia yang cintakan keamanan, perpaduan, kemakmuran yang menganggapkan negara ini negaranya sendiri. Semua rakyat tidak mengira kaum hendaklah menyokong Dasar Ekonomi Baru, dan kalau kita hendak menjayakan Dasar Ekonomi Baru terpaksa kita mengerti bahawa ada tempat-tempatnya yang mana terpaksa kita memberi kelonggaran, dan ada kalanya terpaksa kita memberi kesempatan yang lebih. Saya harap apa yang saya syorkan ini mendapat sokongan oleh semua pihak dan semua lapisan. Kalaulah dapat kita berbuat demikian saya yakin dan percaya cita-cita yang kita harapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini, insya Allah, akan berjaya.

Pelepasan cukai yang diminta ini bukannya untuk selama waktu-tidak, hanya untuk beberapa waktu yang wajar sahaja. Saya tidak bersetuju dengan apa yang telah disyorkan oleh dua tiga orang sahabat saya dalam Dewan ini yang mengatakan patut syarikat Melayu dilepaskan daripada membayar cukai. Saya tidak bersetuju perkara yang semacam itu. Kita juga ada mempunyai maruah, dan jikalau dilepaskan kepada semua Syarikat-syarikat Melayu sudah tentu perkara ini akan menjadi kucar-kacir juga. Perkara abuse sudah tentu akan timbul. Oleh itu, saya tidak menyokong semacam itu. Apa yang saya mengatakan biarlah Kerajaan

tetapkan badan ini (Badan Pelaburan Bumi-putra) yang betul-betul dimodali oleh wang bumiputra, samada pelaburan atau simpanan yang dibuat kepada badan itu dilepaskan daripada cukai. Cukai yang dimaksudkan ini bukan bermakna yang orang Melayu tidak kena membayar cukai—tidak. Kajian juga telah dibuat iaitu cukai yang dilepaskan itu ialah cuma sebahagian sahaja.

Saya tidak akan mengambil masa yang panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua, cuma hendak menerangkan bahawa pelepasan cukai yang diminta itu tidak bermakna orang Melayu tidak kena membayar cukai. Kalau mereka yang mempunyai pendapatan, katakanlah, \$1,000 sebulan, mengikut Akta Cukai Pendapatan Tahun 1967, yang ada sekarang ini, maka setahun dia dapat \$12,000 selepas itu ada pelepasan yang tertentu yang diberi oleh undang-undang yang ada sekarang iaitu untuk dirinya \$2,000, Pendapatan Tenaga atau Earned Income sebanyak \$1,000, kalau dia mempunyai isteri \$1,000 dan jika mempunyai anak seramai 4 orang pelepasan cukainya ialah sebanyak \$2,050. Jika ditolak lagi pelepasan yang setakat dibenarkan oleh undang-undang iaitu 6 kepada E.P.F. sebanyak \$720 dan kalau dia mengambil insuran, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua, sedia maklum, apa juga simpanan atau bayaran premium boleh dilepaskan cukai sebanyak maksimumnya \$3,000, sekiranya dia menyimpan sebanyak \$960, pelepasan yang dibenarkan oleh undang-undang setakat ini ialah \$8,180 dan pendapatan yang dicukai ialah sebanyak \$3,820 iaitu cukai yang dibayar hanya \$269 iaitu 9%. Kalaupun dia menyimpan sebanyak 10% sebulan di dalam tabung, maka akan menjadi \$1,200 setahun. Jadi apakah pula cukai yang akan dibayar? Cukai yang akan dibayarnya bukannya \$269 tetapi atas \$2,620 iaitu sebanyak \$160.80 iaitu masih lagi diperingkat 9%. Saya boleh tunjukkan angka-angka ini sampai kepada mereka yang berpendapatan samada \$1,500 atau \$15,000, ataupun \$30,000 sebulan. Bagi mereka yang mendapat pendapatan sebulan \$500 jikalau mereka mempunyai keluarga dan tanggungan seperti yang saya sebutkan tadi sudah tentu mereka setakat ini tidak membayar cukai. Bagi mereka yang bujang mungkin membayar sedikit cukai. Ini menunjukkan bukannya bila kita minta pelepasan cukai ini orang Melayu tidak membayar cukai—tidak, masih membayar tetapi kadarnya turun. Saya lihat

kalau orang itu mempunyai pendapatan \$15,000 sebulan setahun berjumlah \$180,000. Tetapi pelepasan yang dia dapat setakat ini termasuk diri, tenaga isteri, anak empat orang, E.P.F., insurance premium sebanyak maksima \$3,000 tak termasuk bayaran fitrah, sebenarnya bayaran fitrah juga dilepaskan setakat ini pelepasan yang boleh didapati ialah sebanyak \$9,850 iaitu pendapatan yang dicukai ialah atas pendapatan \$190,150 iaitu cukai yang terpaksa dibayar ialah \$73,633 iaitu 55%. Katalah dia boleh simpan 30% kepada tabung tadi. Jadi apakah jadinya kalau dia simpan sebanyak 30%? Cukai yang dibayar atas \$160,000 tadi akan diturunkan kepada \$142,150. Cukai yang dibayar ialah bukannya \$73,633 tetapi \$63,733, masih di peringkat 55%. Tetapi exercise yang dibuat ini menunjukkan bahawa kalau Kerajaan berani mengambil sikap melepaskan untuk jangka waktu yang tertentu, mungkin hak maksima itu boleh ditetapkan iaitu seseorang tidak boleh melaburkan lebih daripada 30% kepada Tabung simpanan. Itu boleh ditetapkan. Jikalau begitu, jikalau Kerajaan kita berani menerima syor yang saya kemukakan ini, maka dapatlah sebagai saya katakan awal tadi mengatasi sekurang-kurangnya satu masalah besar iaitu masalah orang Melayu untuk mengumpulkan modal.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan saya minta sebanyak maaf kerana telah mengambil jangka waktu yang lebih yang dihadkan kepada sahabat-sahabat saya di dalam Dewan ini. Dan kalau saya telah mengambil dan melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya minta sebanyak maaf, tetapi saya bercakap ini oleh kerana saya rasa inilah salah satu daripada syor yang boleh dipertimbangkan. Syor ini mungkin radikal, tetapi pada hemat saya boleh mencapai matlamat yang dicita-citakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya menyokong sepenuhnya usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditempokkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada puku 5.15 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.30 petang.*

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat)*

5.30 ptg.

**Tuan S. M. Vellayappa:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini adalah dengan perasaan gembira untuk menyokong Rancangan Malaysia Ketiga yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam Dewan yang mulia ini. Mula-mula sekali saya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah yang telah memberikan peluang kepada saya berkhidmat di dalam Dewan Tertinggi Parlimen bagi mewakili Kerajaan Negeri Kedah.

Sesungguhnya saya berasa bertuah, kerana selepas memasuki Dewan ini saya berpeluang bercakap mengenai Rancangan Malaysia Ketiga yang diperkenalkan untuk tahun 1976-1980 dalam decade kedua kemerdekaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga ke arah pencapaian cita-cita kebangsaan, polisi dan pelaksanaan yang terdandung di dalam polisi Kerajaan.

Rancangan Malaysia Kedua telah memerlukan bukti yang luas terhadap kemajuan esar yang dapat dilakukan oleh sebuah masyarakat Malaysia yang demokratik. Negara kita sesudah mencapai kemerdekaan ini melangkah ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk mencapai objektif dan rateji yang akan menambah kemajuan sosial dan ekonomi yang dilakukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan juga bertujuan untuk meningkatkan perkembangan sosial dan ekonomi.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga jumlah yang bernilai \$18.06 billion akan dibelanjakan dalam masa lima tahun yang akan datang. Rancangan ini adalah juga untuk membaiki taraf hidup orang-orang miskin, mada untuk kawasan-kawasan bandar atau luar bandar, memberikan pendapatan yang lebih baik dan pekerjaan, kemudahan-mudahan perumahan dan cara hidup yang baik bagi kumpulan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili Negeri Kedah yang dianggap sebagai sebuah negeri yang kurang maju. Dengan perasaan yang amat gembira, saya dapat pastikan bahawa di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah menjalankan banyak usaha ke arah pencapaian objektif dan mengurangkan kedudukan ekonomi yang tidak seimbang di kalangan berbagai bangsa. Ia menimbulkan penyertaan yang sama, dan menambahkan peluang-peluang pekerjaan, menghapuskan kemiskinan dan membaiki keadaan masyarakat Malaysia.

Satu aspek yang mustahak di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah bagi kali yang pertama pekerja-pekerja estet dimasukkan ke dalam rancangan yang tersebut. Bagi kali yang pertama telah diakui bahawa pekerja-pekerja keturunan India adalah golongan yang menderita dalam tindakan mengurangkan bilangan pekerja dan pengangguran disebabkan tindakan peralihan yang nyata berhubung dengan struktur sektor-sektor estet, khusus dalam perubahan tanah-tanah getah kepada kelapa sawit. Sungguh gembira saya menyatakan dan juga ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah memberikan "geographic and occupational mobility" yang lebih luas untuk mengurangkan "redundancy" di kalangan buruh estet dan mencadangkan mereka mendapat tempat di dalam sekim tanah awam, membaiki kemudahan-kemudahan pelajaran di estet-estet dan peruntukan yang paling besar memasuki latihan teknik dan vocational bagi generasi muda. Seksyen 176 dalam Bab 3 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, objektif-objektif dan polisi-polisi Kerajaan telah menunjukkan tujuannya yang baik untuk bekerja dengan lebih rapat dengan pihak pengurusan estet untuk cuba meningkatkan peluang yang lebih besar ke arah tujuan memiliki rumah sendiri dan kemudahan-kemudahan asas, seperti bekalan api, air dan sebagainya, membaiki taraf hidup dan keadaan alam sekitar yang lebih sihat bagi pekerja-pekerja estet.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga bercadang untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 743,000 peluang-peluang pekerjaan baru untuk mengurangkan insiden kemiskinan di kalangan rakyat-rakyat Malaysia dari 44% dalam tahun 1975 kepada 34% dalam tahun 1980, yang mana 54% bagi tahun 1975 di kawasan-kawasan luar bandar

akan dapat dikurangkan kepada 43% dalam tahun 1980. Rancangan menambahkan peluang pekerjaan di dalam sektor-sektor ekonomi moden, terutama di dalam sektor pembuatan (manufacturing) adalah dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, bumiputra adalah merupakan tulang belakang negara. Pekerja-pekerja estet pula merupakan tulang belakang kaum pekerja, melainkan sesuatu tindakan dibuat untuk mengalihkan mereka dari sektor-sektor yang ada sekarang, saya fikir mereka akan paling terjejas dan tidak akan ada sebarang cara untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan tujuan dan cita-cita Kerajaan yang hendak menyusun semula keadaan masyarakat yang terlibat adalah merupakan pendekkata kaum yang berbilang bangsa. Saya sungguh gembira memastikan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang tepat di dalam semua sektor dan peringkat untuk membetulkan keadaan yang tak seimbang di masa-masa yang lepas dan perwakilan yang tidak mencukupi di dalam beberapa lapangan. Ini akan tentu membayangkan pertemuan pergerakan rakyat ke arah memiliki sesuatu atas dasar berbilang kaum dan membayangkan komposisi kaum di dalam sebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh gembira memastikan kawasan-kawasan tanah yang baru telah dibuka untuk pemberian tanah pinggir dan sekim tempat kediaman. Matlamat untuk memajukan satu juta ekar tanah itu akhirnya akan menghasilkan 5,000 pekerjaan. Rancangan kemajuan tanah ini telah diambil sebagai objektif yang besar untuk mengikis kemiskinan dan pada masa yang sama adalah untuk menambahkan pendapatan luar bandar dan juga untuk meluaskan peluang-peluang pekerjaan. Pemberian tanah pinggir dan pemulihan hidup adalah bertujuan untuk mengukuhkan pegangan orang-orang di dalam sektor luar bandar ke arah memperbaiki penggunaan buruh tani, yang mana akan juga memberikan peluang pendapatan buruh yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira dapat memastikan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bahawa jumlah pendaftaran kebangsaan di dalam institusi pelajaran

tinggi akan ditambahkan kepada 58% dalam tahun 1980. Ini bererti sejumlah 17,800 tempat-tempat baru akan diperolehi. Saya yakin dengan cara ini Kerajaan akan dapat mencapai tenaga rakyat ke peringkat yang lebih tinggi. Saya suka mengingatkan bahawa mengikut angka pengambilan pelajar-pelajar kaum India di dalam institusi pengajian tinggi telah berkurangan dari 5.1% dalam tahun 1970 kepada 3.3% dalam tahun 1975. Dengan angka-angka yang diberikan dalam Rancangan Malaysia Ketiga saya gembira dapat memastikan bahawa Kerajaan telah bercadang meningkatkan peluang-peluang pelajar-pelajar keturunan India, selaras dengan komposisi rakyat Malaysia di bawah Dasar Ekonomi Baru. Program-program latihan yang dikelolakan oleh agensi-agensi Kerajaan, seperti Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pertahanan, Polis, Jabatan Talikom dan Jabatan Perkhidmatan Awam adalah satu langkah yang progresif untuk menambahkan keupayaan kakitangan profesional dan pengurusan bekerja ke arah kemajuan negara. Saya suka menekankan di sini bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga peluang-peluang hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut komposisi kaum supaya dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan mestilah menentukan perkara ini dengan teliti dalam masa perlaksanaannya, kerana walau apa pun rancangan dan bagaimana kebbaikannya hanya akan dapat dinilai selepas perlaksanaannya. Oleh itu saya merayu kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan agensi-agensi pelaksanaan supaya menimbang dengan teliti berbagai langkah yang ditetapkan di dalam rancangan itu ke arah pencapaian suasana harmoni dan masyarakat Malaysia bersatu yang terdiri dari berbagai bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat menggalakkan bila kita memastikan bahawa Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga telah menimbang untuk meningkatkan kesanggupan kaum bumiputra terutama sekali dalam lapangan-lapangan science. Saya yakin di antara tujuh buah sekolah berasrama itu, sekurang-kurangnya sebuah hendaklah ditempatkan di dalam Negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa sebuah bandar baru akan didirikan berhampiran Sempadan Malaysia-Thai, yang akan memberikan kemudahan

kepada pelancung-pelancung dan juga akan bertindak sebagai tempat pemeriksaan keselamatan bagi pelancung-pelancung yang memasuki Malaysia. Cadangan ini telah terlewat disebabkan kekurangan wang. Saya minta kepada Kerajaan Persekutuan supaya dapat mempercepatkan penyaluran kewangan bagi membina bandar ini dengan kadar yang segera. Dengan pembinaan bandar ini Kerajaan akan dapat memusatkan lebih banyak rakyat Malaysia di sekitar kawasan itu, dan di samping itu akan menghapuskan pengaruh pegganas komunis, dan kemasukan anasir-anasir yang tidak diingini di antara Malaysia dan Thailand. Ia juga akan dapat menolong Pasukan Keselamatan menempatkan pusat-pusat keselamatan untuk tujuan menghapuskan pegganas komunis di bahagian Kedah sebelah sana.

Tuan Yang di-Pertua, pelancungan telah dapat membuktikan satu sumber pendapatan luar negeri dan di dalam negeri saya di Kedah, Pulau Langkawi adalah dianggap sebagai pusat daya penarik yang indah di negara kita. Usaha membangunkan tempat ini agak lambat. Peggangkutan dan kemudahan-kemudahan lain yang menghala ke pulau ini amat terhad, dan akhirnya ia akan memusnahkan minat orang-orang asing yang cintakan keindahan semula jadi pulau ini, disebabkan ketiadaan kemudahan-kemudahan seumpama itu. Oleh itu saya minta Kerajaan dan Perbadanan Kemajuan Pelancungan menyatukan usaha mereka bagi membantu Kerajaan Kedah menjadikan Pulau Langkawi sebagai satu pandangan baru yang lengkap dalam lapangan pelancungan. Kalau pulau ini dimajukan, saya yakin ia akan dapat menghasilkan pertukaran wang luar negeri yang memuaskan, dan juga akan dapat menarik minat pelancung-pelancung luar negeri tinggal di dalam negeri kita dengan lebih lama dari yang dirancang. Saya mencadangkan pemandangan sekitar alam yang baru, hotel-hotel yang lebih ekonomi kepada pelancung-pelancung, kemudahan-kemudahan perhubungan hendaklah dipertimbangkan dengan serta merta supaya satu gambaran yang baru dapat diwujudkan di pulau ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya memastikan bahawa 9.5% matlamat perbelanjaan telah diuntukkan kepada perindustrian perlombongan dan sektor-sektor perniagaan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sektor ini akan dapat mengadakan

169,000 pekerjaan. Adalah amat menggalakkan bahawa Kerajaan akan memberikan incentive yang baru kepada perindustrian-perindustrian yang ditempatkan di sektor-sektor luar bandar. Adalah juga amat menggalakkan apabila saya memastikan bahawa 9,600 ekar estet-estet perindustrian akan dibuka di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, yang mana 25% dari jumlah itu akan ditempatkan di negeri-negeri yang kurang maju, seperti Kedah, Trengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Saya berpendapat ini adalah jauh dari mencukupi kepada semua negeri, seperti negeri saya Kedah yang telah mencapai kemajuan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada kedapatan tiga buah kawasan pembangunan perindustrian di Kedah yang terletak di Sungai Petani, Alor Star dan Kulim, tetapi hingga kini tidak ada begitu banyak daya penarik terhadap perindustrian itu, disebabkan kurang intensifikasi, pengecualian cukai yang lebih, tempoh perintisan yang lebih lama, peruntukan infrustruktur yang lebih baik yang mungkin dapat dijadikan daya penarik memasuki ke dalam kawasan-kawasan ini. Oleh itu saya berharap Kerajaan akan dapat menjalankan usaha ini dengan serta merta.

Justru itu, Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita untuk mengikis kemiskinan dan melahirkan kedudukan masyarakat yang seimbang dalam sosial, dan ekonomi hanya bergantung kepada kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga dan budi bicara sektor Perindustrian, sektor awam dan orang-orang yang terlibat pada keseluruhannya bagi melahirkan satu bangsa yang progresif, dan bersatu. Sekali lagi saya menyokong penuh Rancangan Malaysia Ketiga dan saya ucapkan terima kasih.

5.55 *ptg.*

**Tuan Kam Woon Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap dalam masa 5-8 minit sahaja, dan mohon izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris mana-mana yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kali ini kredit pasti diberi kepada Kerajaan kita untuk kelahiran Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan itu adalah adil, saksama, pragmatic dan berani dan telah diterima dengan gembira oleh swasta persendirian yang sudah mewujudkan satu suasana yang sesuai untuk

swasta menceburkan diri pada perkembangan ekonomi negara kita. Ini adalah satu rancangan untuk menjalankan policy kita untuk membasmi kemiskinan dengan tidak mengira kaum dan bangsa. It is also a timely reaffirmation of policy for otherwise our country was going down the road of despair, conflict and probably self-destruction.

Sesiapa yang mencintai negara ini mesti memainkan peranan dalam panduan ini yang diterangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

(Dengan izin) Mr President, Sir, no deviation or tampering with the policy should be allowed under any circumstances and by anybody.

Kami sudah nampak daripada dahulu bahawa tendency to cajole, kebimbangan dan dalam setengah kes menakutkan swasta persendirian. Sekarang kami sudah belajar pelajaran bahawa tektik ini tidak dapat dijalankan. Itu hanya menakutkan banyak pelabur-pelabur private. Sekarang mereka gembira kerana Kerajaan sudah dengar kepada sugunan atau complain dan sudah meningkat keputusan yang saksama dan adil. Setengah ahli politik boleh bercakap dan berteriak sahaja, tetapi mereka tidak sedar bahawa pengaruh itu hanya terhad atas luar faktor sahaja sebab luar faktor menguasai ekonomi kita. Kebanyakan commodity tempatan kita diekspot dan harga itu tidak dapat dijagakan.

Mr President, Sir, we must also remember that Malaysia is not the only haven for investment. There are other havens on earth for investment and their returns are very attractive. We should, therefore, not have the thinking that this is the only place where the private sector can make its money. Rancangan ini juga baik kerana ia menunjukkan dengan jelas kepada dunia bahawa Kerajaan kita masih percaya dalam enterprise bebas. Ini sangat mustahak, kerana kami tidak boleh bercakap hari ini kami percaya enterprise bebas dan hari esok Kerajaan mahu mengambil alih setengah industri. Ini tidak menunjukkan satu suasana yang sesuai untuk pelabur-pelabur. Ahli perniagaan tidak mahu bergaduh dengan Kerajaan. Kemungkinan mereka boleh kerana itu tidak payah dibuat demikian apabila mereka boleh mendapat keuntungan yang bagus dari tempat lain.

Mr President, Sir, for this Third Malaysia Plan (Rancangan Malaysia Ketiga) to succeed, the following requisites must be fulfilled.

- (i) Implementation of policies must be carried out according to the good intentions expressed in the Plan and the Government must exercise strict control on the administration at all levels, that means from the Federal to the State, from the State to the District, and from the District to the Rural.

Kebanyakan red-tape bukan hanya mengecewakan tetapi akan merosakkan kepercayaan swasta persendirian dalam pekerjaan. Ianya sudah sampai ke peringkat bahawa kebanyakan sugunan sudah timbul. Ada banyak, misalnya yang mana Menteri cakap satu perkara dan Pegawai Kerajaan menterjemahkan kepada perkara yang lain. Saya pernah mendengar pengalaman buruk dari setengah peniaga dengan pihak pentadbir dan ini akan memburukkan reputasi Pegawai Kerajaan kita. Rayuan saya kepada setengah Pegawai Kerajaan ialah jika mereka berasa kecil hati dengan peniaga yang mendapat wang lebih banyak mereka patut meletakkan jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan dan mengambil bahagian dalam bidang perniagaan untuk membanyakkan wang mereka. Mereka tidak boleh tinggal di bawah payung Kerajaan dan menghalang pelancaran polisi Kerajaan. Saya sendiri pernah menempuh dua pengalaman yang kurang bernasib baik. Satu syarikat yang saya mempunyai minat memohon kepada Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan geran, sudah 15 tahun lamanya. Setakat ini geran itu masih belum dikeluarkan. Allahyarham bekas Perdana Menteri telah menubuhkan Biro Pengaduan Awam dan menasihatkan rakyat agar membuat laporan kepada Biro itu supaya beliau sendiri mengambil aduan itu secara rahsia yang tinggi. Tetapi yang memeranjatkan saya ialah apabila saya menulis kepada Biro itu tentang hal tidak dapat dikeluarkan geran itu, satu salinan photostat aduan saya dihantarkan kepada pihak daerah yang berkenaan. Setengah golongan pegawai di Pejabat Daerah telah menalipon kepada syarikat saya dan memeriksa atas diri saya dengan menyoal tentang saya. Sehingga sekarang geran itu tidak dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli politik jangan tunjukkan perangai atas tuntutan politik. Mereka jangan fikir untuk mendapat

lebih undi dari pengundi dengan memberi janji yang manis sahaja, itu tidak boleh tercapai.

Mr President, Sir, we must also tell our people that they all must work hard. There must not be any mollycoddling of anyone. This is not done even in any communist country; even in any communist country, everybody must work hard.

Lagi satu ingatan ialah ramai peniaga berasa bosan apabila mereka meminta pinjaman dari bank-bank. Jawapan yang mereka terima ialah Bank Pusat tidak bersetuju memberi pinjaman. Mereka tidak tahu samada perkara itu benar kerana bila mereka nampak sekelilingnya orang yang ada hubungan rapat dengan institusi kewangan, baru dapat diluluskan. Jadi apakah keadaan yang sebenarnya? Bukan semua ahli perniagaan yang berada mempunyai banyak wang tunai untuk menjalankan projek yang besar. Dia bergantung kepada pinjaman dari bank dan jika bank tidak benarkan pinjaman dengan jaminan yang penuh, ia tidak akan ada penyertaan.

Mr President, Sir, if all these matters can be solved or minimised, we can go a long way to achieve the targets set out probably before the 5-year period expires.

6.12 ptg.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya menyediakan Rancangan Pembangunan dan ekonomi yang sedang dibincangkan oleh Dewan yang mulia ini.

Kedua, saya ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat saudara saya Senator Kamarul Ariffin yang telah menghuraikan dengan panjang lebar dari sudut kaca mata orang Melayu dan juga dari sudut kaca mata swasta. Dengan huraian belia itu, saya telah dapat menyelamatkan sedikit masa saya sendiri kerana tak payah lagi diulangi apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin seluruh rakyat adalah menanti-nanti akan perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dengan harapan supaya nasib mereka akan berubah seperti kata pepatah: kecil

tangan niru ditadahkan. Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat dinafikan bahawa tanahair kita yang bertuah ini mempunyai sumber-sumber kekayaan alam yang cukup dan juga iklim yang sesuai yang dapat membiakkan berbagai-bagai tumbuhan yang bukan sahaja dapat digunakan di dalam negeri ini tetapi juga dapat diperdagangkan. Walaupun iklim yang serupa terdapat di Kepulauan Melayu yang lain tetapi kita telah bernasib baik kerana pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu telah meletakkan satu asas pelajaran yang kukuh dan dengan asas pelajaran ini kita telah dapat melahirkan sehingga sekarang ini boleh dikatakan berpuluh-puluh ribu graduan-graduan yang telah memberi sumbangan kepada negara kita yang memerlukannya.

Dengan pertumbuhan pelajaran yang pesat ini kita telah berjaya merangkum beberapa projek rakyat sambil itu kita memerhati kesilapan-kesilapan yang lalu dan menyediakan pula satu Dasar Ekonomi Baru menerusi Rancangan Malaysia Ketiga. Tuan Yang di-Pertua, telah saya sebutkan tadi berkenaan dengan puluhan ribu graduan-graduan kita yang telah berkecimpung memainkan peranan mereka samada secara langsung di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan ataupun di dalam pihak swasta. Namun demikian, kebanyakan kita masih merasa bahawa sumbangan-sumbangan ini masih lagi tidak memuaskan dan masih lagi ada perkara-perkara yang harus dibaiki yang mana telah disebutkan oleh rakan-rakan sejawat kita, boleh kata seluruh Ahli-ahli Dewan ini telah bercakap mengenai dengan kecekapan dan kebolehan mereka melaksanakan dasar-dasar yang ditentukan oleh Kerajaan. Dan tidaklah payah saya ulangi lagi akan kritik-kritik yang telah ditunjukkan itu memadailah kalau saya kata bahawa saya menyertai dengan pendapat mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah kita dengar di dalam perbahasan-perbahasan di Dewan ini kebanyakan Ahli-ahli telah menyebutkan berkenaan dengan perumahan. Saya akan menyebutkan juga berkenaan dengan perumahan ini kerana masalah perumahan adalah masalah yang penting yang setiap keluarga atau setiap manusia mestilah memerlukan tempat untuk berlindung. Apa yang dapat kita perhatikan keadaan perumahan yang dijalankan sekarang ini baikpun di pihak swasta ataupun

di pihak Kerajaan adalah lebih jauh daripada memuaskan khususnya perumahan-perumahan yang bercampur (joint-venture) dengan Badan-badan Kerajaan daripada Badan-badan swasta kadang-kadang projek-projek ini lebih mahal daripada apa yang dapat dibuat oleh pihak swasta. Saya tidaklah hendak menuduh mana-mana Pejabat ataupun mana-mana Jabatan yang berkaitan dengan perkara ini, saya berharap Kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Perumahan dan juga Kementerian Penyelesaian akan mengambil tindakan-tindakan yang wajar untuk membetulkan perkara-perkara yang tersebut itu. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga berkenaan dengan perumahan ini Kerajaan mengharapakan iaitu pihak swasta akan dapat mendirikan sebanyak 262,000 yunit rumah-rumah. Kalau rumah-rumah ini dikirakan mengikut keadaan sekarang pukul rata di antara \$50,000 sehingga \$100,000 lebih, kita ambilkan sahaja angka-angka yang minima iaitu \$50,000 sebuah bermaknalah di dalam masa lima tahun angka yang dapat dikutip oleh bahagian swasta ialah \$13.1 billion. Angka ini tidak termasuk bayaran-bayaran faedah yang akan dikenakan oleh Badan-badan Kewangan yang dapat dianggarkan akan menelan di antara \$2 atau \$3 billion lagi. Jadi bolehlah dikatakan bahawa jumlah yang akan dibayarkan oleh pemilik-pemilik rumah kepada Badan-badan swasta ini akan berjumlah \$15 billion dalam masa lima tahun yang akan datang. Jumlah ini kalau dikira pada setahun jatuh \$3 billion, bermakna pada sebulan \$250,000 juta dan pada satu hari \$10 juta. Saya telah kira berkali-kali hal ini dan saya kira angka ini adalah satu angka yang betul. Ini hanya dari pihak-pihak swasta, bagi pihak Kerajaan mungkin akan melibatkan 70% daripada angka-angka yang dibayar kepada pihak swasta. Jadi hampir-hampir sekali ganda angka-angka ini akan dikutip daripada pemilik-pemilik rumah di dalam masa lima tahun yang akan datang. Telah saya sebutkan tadi bahawa rancangan perumahan yang dikelolakan oleh Kerajaan secara langsung, atau yang dikelolakan oleh Kerajaan secara tidak langsung adalah sangat tidak memuaskan. Umpamanya, sebuah rumah yang berderet di Taman Tun Ismail berharga \$60,000 kos harga tunai tidak termasuk belanja-belanja peguam, belanja-belanja interest dan lain-lain.

Pada hemat saya rumah-rumah yang seperti ini yang seharusnya tidak melebihi daripada \$45,000. Ini bermakna pihak swasta telah mengambil keuntungan diantara \$10,000 hingga \$15,000 pada sebuah rumah. Oleh itu, saya sukalah mengesyorkan supaya sekurang-kurangnya Kerajaan mengadakan satu sekatan untuk mengawal harga-harga rumah ini yang mengikuti tinjauan saya setengah-setengah pemaju rumah boleh mendapat keuntungan sehingga 300%. Rumah yang berharga \$45,000 tidak semestinya swasta itu membelanjakan \$45,000. Mungkin dia dapat membuat kontrek lebih dahulu dan menunggu wang pembayaran daripada pihak-pihak pemaju rumah atau pihak bank. Ini bermakna pihak-pihak swasta tidak menggunakan wang modal sebanyak \$45,000. Mungkin dia menggunakan hanya untuk survey, akitek, dan lain-lain. Tetapi harga rumah ini beransur-ansur dibayar sendiri oleh pemilik-pemilik rumah. Inilah kadangkala yang menjadikan pihak yang melaburkan modal di dalam perumahan ini mendapat keuntungan sehingga 300%. Menilik kepada angka yang saya sebutkan ini iaitu \$10 juta pada tiap-tiap hari yang akan dibayar oleh pemilik-pemilik rumah saya fikir Kerajaan tidaklah harus mengendalikan masalah dengan sambil lewa. Setengah diserahkan kepada UDA, setengah diserahkan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, setengah lagi diserahkan kepada Badan-badan swasta yang lain.

Oleh kerana masalah perumahan ini menjadi satu masalah yang paling penting maka saya berharap Kerajaan akan menimbankan bagi menubuhkan sebuah Kementerian khas bagi mengendalikan soal perumahan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu soal penting yang saya ingin sebutkan di sini, kita telah menyebutkan iaitu perkara penyusunan semula masyarakat.

Soalan ini juga tidak kurang pentingnya kerana dengan penyusunan semula masyarakatlah kita dapat menentukan kesetabilan politik dan kita dapat pula menentukan kesetabilan ekonomi di negara ini dan juga kesetabilan, ketuhanan negara kita. Di dalam negara yang berbilang-bilang kaum dan berbagai-bagai corak kebudayaan dan fahaman, saya sedar akan kesusahan-kesusahan dan kepayahan-kepayahan yang akan dilalui oleh

pemerintah untuk menyatu-padukan dan menyusun semula masyarakat kita. Di dalam Dewan ini sendiri pun kita telah mendengar berbagai-bagai hujah, berbagai-bagai pendapat, berbagai-bagai definisi mengenai Bahasa Kebangsaan dan berbagai-bagai definisi mengenai taat setia. Jadi, dapatlah kita lihat dengan jelas bahawa di peringkat atas atau di peringkat yang tertinggi sekalipun terdapat fahaman-fahaman yang berlainan dan pemikiran-pemikiran yang berlainan di antara satu puak dengan puak yang lain. Pada hemat saya setelah kita mencapai kemerdekaan 19 tahun penyatuan atau pembangunan masyarakat di negara ini masih jauh daripada memuaskan malahan terdapat bibit-bibit yang merbahaya yang boleh menghancurkan pembangunan semula masyarakat kita. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah disebabkan setengah daripada setengah pemimpin-pemimpin kita masih mementingkan kepopularitinya di dalam kelompoknya sendiri. Dia tidak berfikir secara nasional, dia berfikir secara kelompok, secara puak, secara kaum, itulah sebab kita lihat ada setengah-setengah pemimpin-pemimpin kita, ada setengah-setengah sahabat-sahabat kita tidak mahu berkata dengan benar kepada puak masing-masing. Dia masih mahu bercakap daripada segi puaknya tidak menyembunyikan kelemahan-kelemahan puak yang lain.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini kita dapat lihat ada tiga perkara yang besar. Yang pertama ialah kemiskinan, kemiskinan telah dinyatakan di sini di dalam Buku ini yang kita bahaskan sekarang 74%—74% yang miskin adalah orang-orang Melayu dan golongan-golongan bumiputra. Sementara orang-orang China ialah 17%—17% ini perbezaan di antara 74% dan 17%. Ini mesti disebutkan, ini mesti dinyatakan kepada semua penduduk-penduduk, ini mesti dinyatakan kepada semua rakyat supaya mengerti di mana perimbangan kemiskinan yang ada sekarang. Orang India 8%. Jadi, nyatakan apa yang disebutkan oleh sahabat saya Senator Kamarul Ariffin tadi bukanlah Rancangan Malaysia Ketiga menolong satu-satu puak, tetapi ialah menolong membangunkan sebuah negara yang menolong membangunkan satu masyarakat yang baru.

Di dalam segi pelajaran selalu juga kita dengar di dalam Majlis yang mulia ini masing-masing bercakap mengenai pelajaran puak masing-masing. Saya suka menarik

perhatian di dalam bilangan penuntut di luar negeri, penuntut-penuntut di luar negeri hanya 20% orang-orang Melayu, 69% orang-orang China, 9.2% orang-orang India. Ini perkara yang mesti dijelaskan, kalau tidak kita tidak dapat menawan hati rakyat, kita tidak dapat memahamkan apa yang dilakukan oleh Kerajaan sekarang. Jadi, perkara-perkara yang semacam inilah yang perlu diterangkan dengan sejelas-jelasnya supaya kita mendapat sokongan mengimbangkan kedudukan kaum di dalam negeri ini seperti yang dimaksudkan menyusun semula masyarakat. Dengan inilah saya menyeru kepada semua pihak supaya menyedari dengan lekas, menyedari dengan segera, kerana lebih segera kita sedar lebih segera pula kita sampai kepada matlamat yang kita tuju.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sedikit tentang apa yang telah disebutkan tadi oleh saudara saya Senator Kamarul Ariffin di dalam hal mengenai kumpulan Modal Bumiputra. Apa yang telah diterangkan tadi tentulah sudah jelas dan terang, hanya saya ingin menambah. Saya memberi sokongan yang penuh kepada ucapan yang telah disampaikan tadi, saya suka mengingatkan kepada Kerajaan kita kalau puak, kaum-kaum yang lain yang mendiami tanahair kita bersedia memberi 5 tahun Tax Holiday kepada pelabur-pelabur modal asing. Bermakna kita telah memberikan kecuali daripada Cukai Pendapatan selama 5 tahun. Kenapa tidak kita semua bersetuju untuk memberi pelepasan cukai kepada bumiputra, pada hal matlamat pelaburan-pelaburan asing ialah untuk menstabilkan ekonomi dan politik negara dan matlamat pelaburan bumiputra juga untuk menstabilkan politik dan ekonomi negara. Jadi, di dalam matlamat yang serupa ini, saya percaya penduduk-penduduk asing tidak patut mempunyai perbezaan fikiran, sedangkan orang-orang luar, orang Eropah, Jepun dan sebagainya kita bersetuju memberi Tax Holiday kerana kemajuan ekonomi dan kesetabilan politik. Kenapa tidak kita beri kepada orang Melayu, kenapa tidak kita bagi kepada bumiputra. Pada hal angka yang mereka minta, angka yang mereka mahu tidak akan sama dengan angka bangsa lain yang ada sekarang. Ini saya harap difahamkan baik-baik dan difikirkan dengan halus oleh semua pihak yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga kita telah bercakap dan kebanyakan pemimpin-pemimpin kita telah bercakap, kita tidak patut membangunkan material atau membangunkan ekonomi kita dengan tidak ada pembangunan moral. Di dalam hal ini ada baiknya kalau kita tinjau sedikit apakah moral ini daripada segi ajaran-ajaran Islam. Sebenarnya seperti mana yang kita telah dengar pada awal soalan tadi, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyebutkan iaitu di dalam Islam tidak ada kelas, tidak ada kasta, tidak ada satu orang yang lebih daripada orang yang lain, tidak ada manusia lebih daripada manusia yang lain, semuanya serupa dan kelebihanannya adalah terletak kepada iman dan budi-pekerti seseorang. Di

dalam Islam melarang keras sifat-sifat bongkak, sifat-sifat takbur, rasuah, hasad, dengki, fitnah dan sebagainya, tetapi sifat-sifat ini kadangkala dimiliki oleh kita sendiri, tetapi kita tidak sedar bahawa kita sedang memiliki satu sifat takbur, kita tidak sedar bahawa kita sedang memiliki satu sifat hasad.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 16hb Ogos, 1976.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*